Laporan Kestabilan Kewangan

Penilaian Risiko Sistem Kewangan

11 Gambaran Keseluruhan
11 Perkembangan Makroekonomi dan Kewangan Global
13 Perkembangan Makroekonomi dan Kewangan Domestik
24 *Rencana: Pengukuran Kekukuhan Akan Datang Sektor Korporat*
30 Penilaian Risiko Sektor Kewangan
34 *Rencana: Pengawalseliaan Risiko Mudah Tunai dan Cabaran Pengurusannya*
47 Prospek bagi Kestabilan Sistem Kewangan dan Fokus Pemantauan pada Tahun 2009

Penilaian Risiko Sistem Kewangan

GAMBARAN KESELURUHAN

Kestabilan dalam sistem kewangan Malaysia terus terpelihara walaupun pasaran kewangan dan persekitaran ekonomi menjadi begitu mencabar berlatarkan kegawatan kewangan dan ekonomi global yang semakin buruk. Kegagalan atau hampir-hampir gagalnya beberapa institusi kewangan besar global yang mencetuskan krisis keyakinan dalam pasaran global dan menyebabkan keadaan mudah tunai dan kredit global menjadi ketat, tidak memberi impak sistemik yang besar terhadap sistem kewangan Malaysia. Ini telah diperkukuh oleh langkah awal pencegahan dan berjaga-jaga oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia untuk memelihara keyakinan dan kestabilan sistem kewangan. Secara keseluruhan, mudah tunai adalah lebih daripada mencukupi. Pasaran kewangan masih teratur walaupun mengalami turun naik harga yang lebih besar, aliran keluar dana yang lebih tinggi dan jumlah perdagangan yang lebih rendah pada tahun 2008.

Kestabilan sistem kewangan masih utuh. Institusi kewangan Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menangani masa hadapan yang lebih menguji, setelah memasuki persekitaran kendalian yang mencabar dengan asas-asas yang lebih kukuh

Sektor kewangan dan pasaran kewangan terus memudahkan perantaraan dana sepanjang tahun. Secara agregat, sektor isi rumah dan perniagaan menunjukkan tahap keupayaan dan kefleksibelan yang tinggi untuk menyesuaikan diri dengan cabaran yang timbul pada tahun ini, disokong oleh penampan agregat kewangan kukuh yang telah terkumpul semasa keadaan ekonomi, perniagaan dan guna tenaga adalah menggalakkan.

Sektor kewangan Malaysia memaparkan keupayaan yang kukuh dan tahap kebolehsuaian yang tinggi pada peringkat sistem dan mikro, serta dapat bertahan dengan anjakan yang pesat dalam faktor risiko luaran dan domestik yang muncul pada tahun 2008. Impak kegawatan kewangan global terhadap sektor kewangan domestik masih terbendung dengan baik oleh sebab pendedahan langsung dan tidak langsung yang terhad terhadap aset dan institusi kewangan yang terjejas akibat kegawatan kewangan global. Tahap pemodalan sistem perbankan masih kukuh, manakala kedudukan kesolvenan industri insurans dan takaful bertahan pada tahap yang selesa. Sementara itu, kualiti portfolio pembiayaan sistem perbankan terus meningkat dengan tahap pinjaman tak berbayar (non-performing loan, NPL) yang menurun disokong oleh keupayaan pengurusan risiko dan proses penilaian kredit yang lebih mantap sejak bertahun-tahun lalu berserta keupayaan khidmat bayar balik hutang yang tinggi oleh para peminjam.

Melangkah ke hadapan, sistem kewangan Malaysia dijangka terus berdaya tahan walaupun berhadapan dengan risiko kegawatan yang lebih besar. Meskipun keadaan ekonomi dan kewangan dijangka semakin mencabar, siri ujian ketahanan yang dijalankan pada kedua-dua peringkat sistem dan peringkat institusi mengesahkan bahawa keupayaan menanggung risiko sistem kewangan domestik masih kukuh. Sistem kewangan mempunyai keupayaan dan kefleksibelan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran yang berubah-ubah dan menghadapi tekanan yang mungkin timbul akibat keadaan ekonomi yang lembap. Yang paling penting ialah kedudukan sektor kewangan adalah baik untuk terus memenuhi keperluan pembiayaan dan khidmat kewangan ekonomi serta obligasi kewangannya sepanjang masa. Di samping itu, sektor kewangan akan terus menjadi salah satu pemangkin pertumbuhan ekonomi Malaysia.

PERKEMBANGAN MAKROEKONOMI DAN KEWANGAN GLOBAL


Ekonomi global telah mengalami peralihan yang ketara daripada kebimbangan inflasi kepada kemerosotan mendadak dalam pertumbuhan ekoran krisis kewangan global yang semakin buruk

Ekonomi global telah disokong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam ekonomi sedang pesat

membangun sementara ekonomi maju pula mencatat peningkatan sederhana pada separuh pertama tahun 2008. Pertumbuhan dalam negara sedang pesat membangun yang diterajui oleh Republik Rakyat China dan India, kurang terjejas oleh kegawatan pasaran kewangan antarabangsa. Peningkatan pesat dalam harga komoditi ke paras tinggi menjelang pertengahan tahun, mencetuskan tekanan inflasi khususnya di rantau Asia. Namun begitu, ekonomi global mengalami suatu perubahan yang besar dan genting pada separuh kedua tahun 2008 apabila kebimbangan ini secara mendadak beralih ke arah risiko pertumbuhan. Kegawatan kewangan global yang semakin buruk dan luluh kredit yang menyusulinya telah membawa ekonomi maju ke dalam kancah kemelesetan global secara serentak. Kesan limpahan krisis terhadap negara sedang pesat membangun begitu pantas dan ketara. Ekonomi yang lebih terbuka di Asia mengalami kelembapan yang bermula dengan sektor eksport. Perkembangan ini, bersama-sama dengan pengurangan aktiviti spekulasi dalam pasaran komoditi, menyegerakan pembetulan yang pantas dalam harga komoditi lantas mengakibatkan tekanan disinflasi yang besar dalam kebanyakan ekonomi. Menjelang akhir tahun 2008, kebanyakan ekonomi di serata dunia telah memulakan pakej rangsangan fiskal yang besar dan pelonggaran dasar monetari.


Tahun 2008 menyaksikan kemerosotan selanjutnya dalam sentimen pasaran dan keyakinan oleh sebab jumlah turun nilai dan kerugian kredit institusi kewangan seluruh dunia nyata semakin meningkat. Dengan mudah tunai dalam pasaran kredit dan wang antarabangsa yang ketat serta harga ekuiti yang naik turun dalam mod bearis, akses institusi kewangan kepada pembiayaan antara bank adalah sangat terhad, sehingga mengancam kesolvenan sesetengah institusi. Selepas suatu tempoh tenang yang singkat ekoran langkah-langkah dasar di Amerika Syarikat dan Eropah untuk melegakan tekanan dalam pasaran antara bank global, pasaran kewangan antarabangsa mengalami tekanan teruk dan kesan ketidakstabilan pada akhir suku ketiga, dicetuskan oleh kegagalan beberapa institusi kewangan antarabangsa yang besar. Berikutan penghindaran risiko yang bertambah dan kebimbangan risiko pihak berkenaan lain yang bertambah buruk, keadaan mudah tunai dalam pasaran wang global yang ketat menjadi lebih teruk (Rajah 1.1). Walaupun tindakan yang tidak ortodoks diambil dan langkah dasar yang tidak pernah diambil dahulu dilaksanakan untuk mengekang risiko sistemik dan mengembalikan keyakinan pasaran, yang seolah-olah telah memulihkan keadaan mudah tunai yang ketat, keadaan masih jauh daripada normal menjelang akhir tahun 2008. Keyakinan pasaran terus dilemahkan oleh kebimbangan tentang prospek ekonomi. Harga ekuiti global terus merosot sementara kos perlindungan kemungkiran

Rajah 1.1
LIBOR 3 Bulan Tolak Swap Indeks Semalaman (OIS) 3 Bulan



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.2
Spread CDX dan iTraxx untuk Kredit Gred Pelaburan



Sumber: Bloomberg

Langkah-langkah Dasar Global yang Utama

- **Skim Jaminan**
  - Pengenalan suatu jaminan menyeluruh atau pengembangan dalam jumlah yang dilindungi untuk jaminan sedia ada bagi deposit runcit.
  - Peruntukan jaminan kepada instrumen hutang institusi kewangan jangka pendek dan sederhana yang baharu dan sedia ada dan juga peminjaman antara bank.
- **Swap antara bank pusat**
  - Bank-bank pusat global menubuhkan kemudahan swap mata wang salingan untuk menangani sebarang kekurangan mudah tunai mana-mana mata wang asing dalam sistem perbankan, terutamanya dolar AS.
- **Suntikan modal**
  - Langkah suntikan modal langsung, dengan syarat-syarat dan instrumen yang berbeza-beza merentas negara, digunakan untuk menyokong kedudukan kewangan institusi kewangan. Sesetengah negara mewujudkan dana dan menyatakan komitmen untuk memodalkan semula institusi kewangan sekiranya perlu.
- **Pembelian langsung surat niaga perdagangan**
  - Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (US Federal Reserve) menubuhkan Kemudahan Pembiayaan Kertas Komersial (Commercial Paper Funding Facility, CPFF) untuk membeli kertas komersial bertaraf tinggi tanpa cagaran dan yang disokong aset dalam usaha meringankan masalah mudah tunai pasaran kertas komersial AS.
- **Dasar monetari yang lebih longgar**
  - Bank-bank pusat dan pihak berkuasa kewangan global telah menerima pakai pelonggaran kewangan yang agresif dalam usaha untuk menurunkan kos pinjaman, melegakan aliran tunai dan mengelakkan kelembapan mendadak dalam aktiviti ekonomi.

terhadap hutang korporat bergred pelaburan dan berhasil tinggi kekal pada tahap yang tinggi di tengah-tengah risiko keuntungan perniagaan yang nyata makin lemah dan kemerosotan dalam kualiti kredit (Rajah 1.2).

PERKEMBANGAN MAKROEKONOMI DAN KEWANGAN DOMESTIK

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 4.6% pada tahun 2008 di tengah-tengah kegawatan kewangan antarabangsa dan kemerosotan teruk dalam keadaan ekonomi global

Permintaan dalam negeri yang kukuh, khususnya penggunaan swasta yang berterusan dan perbelanjaan awam yang kukuh, menyokong pertumbuhan pada tahun 2008. Ekonomi berkembang dengan kukuh sebanyak 7.1% pada separuh pertama tahun 2008 disokong oleh prestasi kukuh sektor perkhidmatan, pengembangan dalam aktiviti perdagangan dan pelancongan, permintaan luar yang teguh dari pasaran selain pasaran AS dan eksport yang lebih tinggi bagi produk berasaskan sumber yang juga mendapat manfaat daripada harga komoditi yang meningkat. Pada separuh kedua tahun itu, kemerosotan yang ketara dalam masa yang singkat terhadap keadaan ekonomi global dan pembetulan yang besar dalam harga komoditi menyebabkan penguncupan prestasi eksport Malaysia menjelang penghujung tahun 2008. Memandangkan tahap keterbukaan ekonomi Malaysia yang tinggi, penguncupan eksport telah menjejaskan dengan teruk pendapatan dan permintaan dalam negeri. Daripada segi bekalan, industri perkilangan yang berorientasikan eksport menjadi lemah sejajar dengan kemerosotan dalam permintaan dunia dan pembetulan yang mendadak dalam harga komoditi. Walaupun sektor perkhidmatan terus menyokong ekonomi, pertumbuhan menjadi sederhana ekoran kelembapan dalam subsektor perkhidmatan yang bergantung pada aktiviti yang berkaitan dengan perdagangan dan pasaran modal. Aktiviti pelaburan swasta nyata lebih perlahan sementara penggunaan swasta menjadi sederhana pada suku keempat tahun 2008.

Inflasi berpurata 5.4% pada tahun 2008. Inflasi telah pun mengalami arah aliran menaik pada lima bulan pertama tahun 2008, disebabkan faktor yang berkaitan dengan bekalan yang telah membawa kepada peningkatan yang stabil dalam harga makanan dan minyak dunia. Kadar


inflasi pula naik dengan mendadak pada suku ketiga ekoran pelarasan 40.4% terhadap harga minyak runcit pada bulan Jun dan semakan tarif elektrik pada bulan Julai. Inflasi mencapai kadar tertinggi pada 8.5% pada bulan Julai sebelum menyederhana apabila harga makanan dan bahan api domestik menurun pada suku keempat ekoran pembetulan harga komoditi dunia. Sementara itu, kedudukan luaran masih kukuh pada separuh pertama tahun 2008 manakala terdapat lebihan akaun semasa dan akaun kewangan yang besar. Walau bagaimanapun, kedudukan luaran keseluruhan mencatat defisit bersih pada separuh kedua tahun kerana aliran keluar bersih yang besar dalam akaun kewangan akibat aktiviti pembayaran balik hutang yang semakin giat oleh institusi kewangan asing lalu terlebih mengimbangi lebihan dalam akaun semasa. Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) telah dikurangkan sebanyak 150 mata asas pada tahun 2008 (November) dan awal tahun 2009 (Januari dan Februari). Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement) turut diturunkan secara serentak kepada 1% berkuat kuasa 1 Mac 2009. Pelarasan-pelarasan ini adalah bertujuan untuk menyediakan rangsangan kewangan bagi menyokong permintaan domestik, memandangkan risiko pertumbuhan yang lebih perlahan semakin meningkat dalam persekitaran tekanan inflasi yang semakin menurun. Sila rujuk Laporan Tahunan 2008 Bank Negara Malaysia untuk keterangan lebih terperinci tentang perkembangan makroekonomi dalam negeri.

Pasaran-pasaran kewangan masih teratur walaupun mengalami turun naik yang semakin meningkat dan mudah tunai perdagangan yang lebih rendah

Pasaran kewangan domestik tidak terkecuali sepenuhnya daripada turun naik harga aset yang lebih tinggi dan mudah tunai perdagangan yang lebih rendah yang telah didorong oleh anjakan yang pantas dalam faktor risiko domestik dan global. Walaupun dalam suasana yang mencabar, mudah tunai pendanaan untuk ringgit adalah lebih daripada mencukupi, dengan pasaran kewangan domestik terus memudahkan perantaraan kewangan, sementara mudah tunai dalam pasaran dolar AS tetap konsisten dengan keadaan mudah tunai global yang semakin ketat.

Dalam pasaran ekuiti domestik, momentum menaik dari separuh kedua tahun 2007 berterusan ke bulan-bulan awal tahun 2008. Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), yang disokong terutamanya oleh kaunter perladangan ekoran harga komoditi yang meningkat, memuncak pada 1,516.2 mata pada bulan Januari. Trend ini bertukar arah susulan perkembangan global dan domestik pada bulan-bukan berikutnya. Sambil harga komoditi naik mendadak, sentimen pasaran menjadi bertambah teruk dengan kebimbangan terhadap implikasi tekanan kos yang semakin meningkat terhadap aliran tunai perniagaan.


Rajah 1.3
Prestasi Pasaran Ekuiti Global



Sumber: Bloomberg

Pasaran ekuiti domestik tidak terlindung sepenuhnya daripada perkembangan global pada bulan September dan Oktober, yang menyebabkan penjualan sembarangan secara besar-besaran dalam pasaran ekuiti global. Kesemua perkembangan ini menyebabkan tekanan menurun yang ketara terhadap KLCI. Tekanan inflasi yang semakin menurun dan pelbagai pakej rangsangan antarabangsa dan domestik yang dimulakan serta langkah-langkah yang diambil oleh beberapa bank pusat utama untuk menghindarkan kelembapan ekonomi global yang teruk sedikit sebanyak memperbaiki sentimen. KLCI menjadi stabil pada akhir tahun 2008 untuk mengakhiri tahun berkenaan pada 876.8 mata. Pemodalan pasaran menguncup sebanyak 39.3%, prestasi yang secara relatif lebih baik di rantau ini (Rajah 1.3). Walaupun demikian, turun naik dalam pasaran ekuiti terus tinggi dalam

Rajah 1.4
Turun Naik KLCI dan Sekuriti Kerajaan Malaysia




Sumber: Bloomberg

keadaan penghindaran risiko dan ketidakpastian yang semakin meningkat. Turun naik pasaran ekuiti berpurata 20.5% pada tahun 2008 (2007: 16.3%) (Rajah 1.4).


Pasaran bon Kerajaan umumnya kekal berdaya tahan walaupun mengalami sedikit turun naik dalam pergerakan hasil pada tahun 2008. Turun naik purata dalam tanda aras hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) naik sedikit kepada 20.8% pada tahun 2008 (2007: 20.1%) (Rajah 1.4). Pada awal tahun 2008, MGS menyaksikan pemulihan yang singkat, sebahagian besarnya disebabkan oleh pembelian semula portfolio. Oleh sebab tekanan inflasi semakin meningkat, swap kadar faedah dan kadar hasil MGS juga menunjukkan kenaikan berikutan jangkaan bahawa dasar monetari akan menjadi lebih ketat (Rajah 1.5 & 1.6). Keluk hasil juga bertambah curam, membayangkan premium inflasi yang meningkat, terutamanya sekuriti hutang bagi tempoh pemegangan lebih panjang. Jangkaan peminjaman oleh Kerajaan yang lebih besar untuk membiayai kedudukan fiskal semakan semula bagi tahun 2008 membawa kepada sedikit kebimbangan tentang kemungkinan penawaran berlebihan dalam bon Kerajaan, mendorong lagi tekanan menaik pada kadar hasil. Walau bagaimanapun, kebimbangan sedemikian secara beransur-ansur berkurang kerana penghindaran risiko yang lebih giat pada bulan September dan Oktober yang dengan pantas telah mencetuskan permintaan pengelakan kepada kualiti (flight-to-quality) terhadap sekuriti hutang Kerajaan. Dalam pasaran primer, permintaan terhadap bon Kerajaan tetap kukuh meskipun terbitan bersih ternyata lebih tinggi (2007: RM25.8 bilion, 2008: RM36.6 bilion) pada tahun 2008. Nisbah bida kepada lindungan (bid-to-cover ratio) untuk MGS kekal menggalakkan pada 1.95 kali (2007: 1.97 kali). Pada masa yang sama, tekanan inflasi domestik menyusut apabila harga minyak mentah menurun daripada paras tertinggi sejak pertengahan bulan Julai, lantas membawa kepada beberapa pelarasan menurun terhadap harga minyak runcit. Pengurangan OPR

Rajah 1.5
Keluk Swap Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.6
Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia




Sumber: Bloomberg

pada bulan November pula meningkatkan jangkaan bahawa dasar monetari akan dilonggarkan selanjutnya. Dengan perkembangan-perkembangan ini, swap kadar faedah dan kadar hasil MGS menjadi normal pada suku terakhir tahun 2008.


Dalam pasaran Sekuriti Hutang Swasta (Private Debt Securities, PDS), pergerakan dalam kadar hasil untuk separuh pertama tahun 2008 pada umumnya seiring dengan pergerakan kadar hasil MGS. Pada pertengahan tahun, sentimen dalam pasaran PDS menjadi lemah ekoran pengumuman pengenaan cukai durian runtuh (windfall tax) terhadap penjana kuasa bebas (independent power producer, IPP), kemungkinan pengurangan kadar tol dan penetapan had keuntungan pemegang konsesi air. Oleh yang demikian, kadar hasil PDS naik kerana wujudnya ketidakpastian. Sentimen ini kemudiannya bertambah baik, khususnya bagi bon bertaraf lebih tinggi ekoran penarikan balik cukai durian runtuh dan kebimbangan tentang tekanan inflasi semakin reda. Walau bagaimanapun, spread kadar hasil PDS berbanding MGS melebar dengan nyata sekali pada suku keempat tahun 2008, mencerminkan pengelakan kepada kualiti (Rajah 1.7). Kadar hasil segmen bertaraf lebih rendah kekal pada paras tinggi kerana kebimbangan tentang kemungkinan kualiti kredit korporat yang akan merosot.

Rajah 1.7
Spread antara Sekuriti Hutang Swasta Bertaraf AAA dengan Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bloomberg


Rajah 1.8
Nisbah Pusing Ganti Bulanan KLCI



Sumber: Bloomberg


Proses pembayaran balik hutang global yang lebih giat dan penghindaran risiko oleh para pelabur yang makin ketara, yang membawa kepada beberapa pelupusan pelaburan oleh bukan pemastautin. Ini turut menyumbang kepada turun naik dalam pasaran kewangan domestik. Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih RM92.4 bilion pada tahun 2008 (2007: aliran

Rajah 1.9
Nisbah Pusing Ganti Sekuriti Hutang Swasta (mengikut profil kredit)



Sumber: Bond Pricing Agency Malaysia dan pengiraan dalaman

Rajah 1.10
Nisbah Pusing Ganti Sekuriti Hutang Swasta (mengikut jenis prinsip)




Sumber: Bond Pricing Agency Malaysia dan pengiraan dalaman

masuk bersih RM18.4 bilion). Namun begitu, pelupusan kedudukan pelaburan tidak membawa sebarang implikasi ketidakstabilan yang besar terhadap pasaran kewangan domestik yang terus berfungsi dengan cara teratur.

Turun naik harga aset dalam pasaran PDS domestik dan pasaran ekuiti juga diiringi oleh mudah tunai perdagangan yang lebih rendah di tengah-tengah keinginan mengambil risiko yang menurun dan proses pembayaran balik hutang yang lebih giat. Penurunan dalam mudah tunai ditunjukkan dari segi jumlah perdagangan dan juga harga. Nisbah bulanan bagi nilai pusing ganti untuk pemodalan pasaran KLCI berpurata 3% pada tahun 2008, lebih rendah daripada purata yang dicatatkan pada tahun 2007 pada kadar 3.8% (Rajah 1.8). Dalam pasaran PDS, nisbah pusing ganti bulanan purata (dikira sebagai nisbah nilai pusing ganti kepada bon terkumpul) menurun dengan ketara kepada 2.2% (2007: 4.4%). Penurunan dalam mudah tunai perdagangan adalah meluas. Nisbah pusing ganti yang lebih rendah telah diperhatikan merentas semua profil kredit termasuk dalam pasaran hutang Islam (Rajah 1.9 & 1.10). Walaupun sekuriti hutang bertaraf AAA dan AA mengalami sedikit peningkatan dalam jumlah perdagangan menjelang penghujung tahun, keadaan adalah tetap ketat bagi kredit bertaraf A. Spread bida-tawar turut melebar di tengah-tengah penguncupan jumlah urus niaga dan penentuan semula harga risiko oleh para peserta pasaran (Rajah 1.11 & 1.12).

Rajah 1.11
Spread Bida-Tawar[1] Bulanan KLCI




[1] Dikira sebagai nisbah perbezaan antara harga bida dan tawar kepada harga penengah (purata harga bida dan tawar)

Sumber: Bloomberg

Pasaran swap mata wang bersilang (cross-currency swap) domestik juga mengalami peningkatan yang ketara dalam spread asas. Awal tahun 2008 menyaksikan institusi kewangan dan syarikat-syarikat di Asia mencari alternatif pembiayaan dalam pasaran bon Samurai di tengah-tengah keadaan ketat yang berterusan dan kos pinjaman yang meningkat dalam pasaran bon dolar AS.


Rajah 1.12
Spread Tinggi dan Rendah[1] Intrahari bagi Sekuriti Hutang Swasta Bertaraf AAA



[1] Dikira sebagai nisbah perbezaan antara harga tinggi dan rendah kepada harga penengah (purata harga tinggi dan rendah)

Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

Rajah 1.13
Swap Mata Wang Bersilang (5 Tahun)



Sumber: Bloomberg

Memandangkan keadaan pasaran kurang diterokai yang lebih menarik secara relatif dan spread asas yang tipis untuk swap mata wang bersilang pada awal tahun 2008 (Rajah 1.13), pasaran PDS domestik telah berjaya menarik minat yang lebih tinggi daripada sebilangan institusi kewangan Asia untuk menerbitkan bon berdenominasi ringgit dan kemudiannya menukar hasil perolehan tersebut dalam ringgit kepada dolar AS.

Spread asas bertambah luas dengan ketara sejak bulan Januari, mencerminkan permintaan yang meningkat terhadap swap mata wang bersilang. Spread asas kemudiannya menjadi normal pada bulan April ekoran penangguhan terbitan PDS oleh beberapa bukan pemastautin. Pada bulan September dan Oktober, pengumpulan aset dolar AS oleh institusi kewangan global dan aktiviti membayar balik hutang yang giat akibat imbangan semula portfolio telah menyumbang kepada pengetatan yang ketara dalam mudah tunai dolar AS di pasaran-pasaran antarabangsa. Oleh itu, spread asas dalam pasaran swap mata wang bersilang menjadi lebih besar, mencerminkan peningkatan am dalam kos pembiayaan dolar AS global, dan bukan kekurangan bekalan dolar AS dalam negeri.

Walaupun berlaku turun naik yang ketara dan jumlah perdagangan yang lebih rendah, mudah tunai pembiayaan masih mencukupi. Pasaran kewangan domestik terus memudahkan perantaraan kewangan sepanjang tahun, meskipun kecenderungan untuk menghindarkan risiko oleh pelabur meningkat. Pada amnya, pasaran PDS primer dan ekuiti masih boleh diakses untuk pembiayaan korporat, meskipun pada kos lebih tinggi. Jumlah terbitan PDS adalah sebanyak 271 pada tahun 2008, menyederhana daripada 323 pada tahun 2007, sementara terbitan baharu saham (tidak termasuk waran) menurun kepada RM5.2 bilion (2007: RM7 bilion). Dalam pasaran PDS, walaupun kebimbangan tentang kemungkinan prospek kredit akan merosot mula muncul terutamanya pada suku keempat ekoran persekitaran ekonomi yang lebih mencabar, ini masih belum menyebabkan gejala kemungkiran yang meluas. Bilangan sekuriti hutang korporat yang mungkir adalah lebih rendah, iaitu sembilan kejadian pada tahun 2008 berbanding 11 kejadian mungkir pada tahun 2007.


Dalam pasaran wang ringgit, mudah tunai masih lebih daripada mencukupi. Membayangkan asas-asas domestik yang kukuh, kos mendapatkan mudah tunai jangka pendek dalam pasaran ringgit antara bank terus menuruti kadar-kadar dasar dengan rapat sepanjang tahun 2008.

Sektor Bukan Kewangan

Pada tahun 2008, sektor perniagaan telah diuji dengan kos pengeluaran dan bahan mentah yang melonjak naik ekoran kenaikan harga bahan api dan tenaga pada separuh pertama tahun itu. Ini diburukkan lagi oleh peningkatan dalam kos pembiayaan dan pembiayaan semula melalui pasaran modal akibat kenaikan kadar hasil. Kekukuhan kewangan perniagaan menghadapi tekanan ekoran kemerosotan keadaan ekonomi global yang menjejaskan tahap pesanan buku (order book) sektor perniagaan terutama pada suku terakhir tahun 2008. Sementara itu, khidmat bayar balik hutang sektor isi rumah telah terjejas oleh tekanan inflasi yang lebih besar pada separuh pertama tahun 2008 dan kelemahan prospek pekerjaan pada separuh tahun kedua.


Sektor isi rumah dan perniagaan menunjukkan daya tahan yang berterusan pada tahun 2008 setelah memasuki persekitaran yang mencabar berbekalkan kedudukan kewangan yang kukuh. Penampan kewangan kukuh yang terkumpul dalam tahun-tahun pertumbuhan yang pesat di tengah-tengah keadaan perniagaan dan pasaran pekerja yang menggalakkan, telah membolehkan sebahagian besar sektor isi

Rajah 1.14
Nisbah Hutang kepada Ekuiti bagi Sektor Terpilih



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.16
Pinjaman Tak Berbayar Sektor Perniagaan




rumah dan perniagaan secara keseluruhannya menyesuaikan diri secara fleksibel dan menggalakkan kepada tekanan kos dan pendapatan yang dialami pada tahun 2008.

Sektor perniagaan menghadapi ketidaktentuan harga dan pendapatan yang semakin mencabar

Prestasi keuntungan yang sekian lama diraih, keuntungan tertahan yang terkumpul selama ini serta peningkatan dalam keupayaan operasi dan kecekapan ekoran penyusunan semula struktur dan rekayasa perniagaan telah mengukuhkan kedudukan kewangan perniagaan. Ini telah memberikan syarikat-syarikat Malaysia keupayaan tambahan dan kefleksibelan untuk bertindak balas terhadap cabaran yang muncul daripada kos input dan pengeluaran yang naik mendadak, dan penguncupan dalam permintaan. Dana pemegang saham meningkat pada kadar tahunan purata 11% antara tahun 2003 hingga 2007, sebelum menurun 1% pada tahun 2008. Sementara itu, kedudukan leveraj terus kukuh dengan kedudukan garis median nisbah hutang kepada ekuiti mapan pada tahap kurang daripada 50% pada akhir tahun (Rajah 1.14). Dengan kedudukan kewangan yang lebih kukuh, khidmat bayar balik hutang syarikat terus mapan pada aras yang agak selesa pada tahun 2008, dengan garis median nisbah semasa kekal pada 1.7 kali, kurang sedikit sahaja daripada purata tiga tahun sebanyak 1.8 kali. Selain itu, nisbah perlindungan faedah kekal pada aras selesa 3.4 kali, meskipun mencatatkan penurunan yang ketara pada suku terakhir tahun 2008 akibat pendapatan sebelum faedah dan cukai (earnings before interest and tax, EBIT) jatuh mendadak disebabkan permintaan dan jualan yang lebih rendah (Rajah 1.15).


Rajah 1.15
Nisbah Perlindungan Faedah bagi Sektor Terpilih




Sumber: Bloomberg

Tahap agregat pinjaman tak berbayar (NPL) bagi perniagaan terus menunjukkan trend menurun pada tahun ini (Rajah 1.16). Dengan NPL menurun sebanyak 15.4%, nisbah NPL kasar bagi perniagaan telah menurun lagi kepada 6% pada akhir tahun 2008, iaitu aras terendah sejak krisis kewangan

Rajah 1.17
Pinjaman Tak Berbayar PKS



Rajah 1.18
Keberuntungan bagi Syarikat Terpilih




Sumber: Bloomberg

Asia tahun 1997. Begitu juga kualiti pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) diperkuatkan lagi, dengan nisbah NPL kasar sebanyak 6.8% pada akhir tahun (Rajah 1.17).

Setelah mencapai perolehan tertinggi pada tahun 2007, aras keberuntungan dan prestasi sektor korporat bertahan dengan agak baik pada separuh pertama tahun 2008 sebelum mula menunjukkan beberapa tanda tekanan menjelang suku keempat tahun tersebut (Rajah 1.18 & 1.19). Keberuntungan terus merosot pada suku terakhir kesan daripada kenaikan terdahulu dalam kos bahan api dan tarif elektrik, dan kejatuhan dalam jualan dan pendapatan. EBIT bagi 120 syarikat yang dipantau oleh Bank Negara Malaysia (mewakili 72% daripada pemodalan pasaran Bursa Malaysia) kekal stabil dalam lingkungan positif sebelum merosot sebanyak 35% pada suku keempat kepada RM7.2 bilion. Syarikat-syarikat ini mencatatkan kedudukan kerugian bersih sebanyak RM201 juta, terutamanya disebabkan oleh kerugian tinggi dan luar biasa yang ditanggung oleh beberapa syarikat besar melalui kerugian pertukaran asing dan kerugian derivatif, caj kejejasan terhadap pelaburan dan peruntukan untuk kerugian pemegangan saham dan inventori.

Tahun 2008 menyaksikan sedikit kesederhanaan dalam pendapatan bagi sektor harta tanah dan pembinaan, oleh kerana peserta industri terpaksa menangani kesan berkembar peningkatan kos dan permintaan yang lebih perlahan. Perolehan dan keuntungan adalah lebih rendah kerana penangguhan pelancaran harta tanah yang juga digambarkan oleh kejatuhan 8.5% dalam jualan harta tanah pada tahun 2008 (Jadual 1.1). Margin telah terjejas oleh kenaikan yang besar dalam kos bahan binaan sebahagiannya ekoran liberalisasi struktur penentuan harga untuk keluli dan simen serta gangguan dalam jadual projek. Penampan kewangan kukuh yang terbina sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan amalan pinjaman yang lebih berdisiplin memastikan bahawa nisbah leveraj syarikat harta tanah masih kekal di bawah

Rajah 1.19
Pulangan Atas Aset bagi Sektor Terpilih



Sumber: Bloomberg

50%. Tahap kewangan yang kukuh ini meletakkan pihak pemaju pada kedudukan yang lebih kuat bukan sahaja untuk bertahan dalam keadaan lembap yang dijangkakan berterusan selama dua tahun akan datang, tetapi lebih penting lagi, bersedia untuk merebut segala peluang apabila pemulihan berlangsung. Sementara itu, para pengeluar keluli Malaysia telah menikmati keuntungan yang luar biasa pada separuh pertama tahun 2008 kesan daripada harga yang melambung naik dan permintaan serantau

Peningkatan dalam keupayaan operasi dan pengumpulan penampan kewangan dalam tahun-tahun kebelakangan ini telah menyumbang kepada keupayaan khidmat bayar balik hutang syarikat pada aras yang agak selesa dalam keadaan tekanan ketaktentuan harga dan pendapatan yang semakin mencabar

yang kukuh memastikan aliran pendapatan kukuh. Begitu juga dengan industri minyak sawit mentah (crude palm oil, CPO) yang juga mendapat faedah yang besar daripada letusan komoditi ini. Bagaimanapun, prestasi durian runtuh tersebut, terganggu apabila harga komoditi berkenaan mengalami kebalikan yang ketara yang dicetuskan oleh penguncupan yang lebih besar daripada jangkaan dalam aktiviti ekonomi global. Pada akhir tahun 2008, harga keluli dan CPO jatuh antara 40% hingga 50% daripada paras harga tertinggi yang dicapai pada tahun 2008. Ekoran pembetulan harga yang pantas dalam komoditi, banyak pengilang keluli yang besar yang tersenarai di bursa telah terjejas oleh penurunan nilai inventori yang teruk, lantas mengakibatkan kerugian pada suku keempat. Para pengeluar CPO juga mencatat pendapatan yang lebih rendah pada asas suku tahunan, meskipun tidak begitu teruk. ``Kitaran menurun´´ untuk sektor pembinaan dan bahan binaan, termasuk sektor keluli berkemungkinan bersifat sementara memandangkan banyak pakej rangsangan yang dimulakan oleh ekonomi seluruh dunia, termasuk Malaysia. Ini kemungkinan dapat memberikan kesan yang positif terhadap harga dan permintaan keluli dan dengan demikian, terhadap kedudukan kewangan syarikat-syarikat dalam industri keluli. Menjelang awal tahun 2009, harga CPO juga telah pulih daripada paras rendah dan kemudiannya menjadi stabil kepada paras kira-kira RM1,800. Walaupun harga masih jauh di bawah aras tinggi yang dicapai baru-baru ini, para pengeluar CPO terus mendapat keuntungan pada paras harga semasa, dibantu sebahagiannya oleh penurunan 20% hingga 30% dalam kos baja selain usaha yang berterusan untuk mencapai kecekapan proses. Selain itu, kedudukan kewangan kebanyakan syarikat-syarikat utama CPO juga mencatat hutang yang rendah, dengan itu meletakkan syarikat-syarikat ini pada kedudukan yang kukuh untuk bertahan dalam kemerosotan berkitar ini.

Jadual 1.1
Urus Niaga dan Prestasi Jualan Harta Kediaman


	2007	2008*a*	Pertumbuhan (%)
Urus niaga harta kediaman			
Unit	*199,482*	*216,702*	*8.6*
Nilai (RM bilion)	*36.5*	*41.3*	*13.2*
Prestasi jualan	45.1%	44.5%	
Unit dilancarkan	*52,664*	*48,830*	*-7.3*
Unit dijual	*23,749*	*21,725*	*-8.5*

a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Syarikat-syarikat elektrik dan elektronik (E&E) tetap terdedah kepada keadaan ekonomi global yang semakin lembap. Eksport produk E&E pada suku keempat menguncup dengan teruk sebanyak lebih daripada 20% berbanding suku tahun sebelumnya. Ini juga digambarkan dalam pendapatan bersih syarikat-syarikat E&E tersenarai apabila pesanan baharu menjadi perlahan dan pendapatan jelas berkurangan (Rajah 1.20). Dalam sektor lain, seperti automotif, media dan penyiaran masih mendapat manfaat daripada permintaan yang teguh untuk perbelanjaan terhadap kereta dan pengiklanan pada sembilan bulan pertama tahun 2008. Namun begitu, tanda-tanda permintaan yang makin lemah mula muncul pada bulan Oktober 2008.

Rajah 1.20
Keberuntungan Syarikat Terpilih dalam Segmen E&E




Sumber: Bloomberg

Walaupun banyak sektor telah terjejas oleh penyederhanaan dalam aktiviti ekonomi, beberapa sektor yang lebih bersifat boleh bertahan pada amnya telah menunjukkan daya tahan pendapatan. Ini termasuk peruncit; pengilang makanan dan minuman berbungkus, tembakau dan minuman keras; pengeluar sarung tangan getah; pengendali perjudian; penyedia perkhidmatan sokongan minyak dan gas; pemegang konsesi jalan tol dan juga IPP. Industri runcit mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 12.2% dalam EBIT sementara untung bersih bertambah 34.3%, yang mendapat faedah terutamanya daripada musim perayaan dan pengembangan saluran dagang.


Perusahaan perniagaan juga menghadapi kos kredit dan pembiayaan semula hutang yang lebih tinggi daripada pasaran modal apabila pelabur yang menghindari risiko menuntut kadar hasil yang lebih tinggi. Walaupun pengurangan dalam OPR membantu menampan sebahagian daripada kesan penghindaran risiko yang semakin meningkat, kebimbangan yang meningkat tentang prospek ekonomi domestik menyaksikan spread untuk sekuriti hutang bertaraf AAA 5 tahun meningkat sebanyak 63.4 mata asas dan sekuriti hutang bertaraf AA naik sebanyak 95.2 mata asas pada suku keempat. Ini juga diiringi dengan sedikit penyederhanaan dalam jumlah dana yang diperoleh dalam pasaran PDS sepanjang tahun itu. Pembiayaan daripada sistem perbankan untuk perniagaan besar dan PKS terus mudah diakses seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan 18% dalam pengeluaran pinjaman kepada perniagaan (2007: 4.3%) dan peningkatan 13.2% dalam pinjaman perniagaan terkumpul (2007: 10.3%). Sejumlah RM147.9 bilion pembiayaan baharu telah diberikan kepada perniagaan pada tahun 2008 terutamanya untuk modal kerja dan aktiviti berkaitan perdagangan. Selain kekuatan

Rajah 1.21
Kedudukan Leveraj dan Nisbah Perlindungan Faedah Syarikat Terpilih dalam Segmen E&E



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.22
Pertumbuhan Pinjaman Terkumpul Perniagaan Besar dan PKS




kewangan, akses berterusan kepada pembiayaan telah juga disokong oleh hubungan perbankan yang bertambah baik, yang meningkatkan lagi pengetahuan dan pemahaman tentang syarat-syarat dan keperluan operasi perniagaan oleh institusi perbankan. PKS juga mendapat manfaat daripada dana khas yang diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia pada separuh kedua tahun 2008 untuk memastikan ketersediaan pembiayaan yang berterusan bagi usaha niaga yang berdaya maju tetapi berisiko tinggi (Rajah 1.22).

Aras risiko kredit dan delinkuensi dalam sektor perniagaan dijangka meningkat pada tahun 2009 memandangkan persekitaran ekonomi yang lebih mencabar. Walaupun keadaan ini berlaku, kesan risiko yang meningkat sebahagiannya akan ditampung oleh penampan kewangan yang terkumpul sejak beberapa tahun kebelakangan ini semasa pertumbuhan dan tahap keberuntungan adalah kukuh. Peningkatan dalam aras risiko kredit pada masa hadapan digambarkan oleh pergerakan menurun secara perlahan-lahan dalam jarak sebelum mungkir yang diubah suai (modified distance to default), iaitu suatu penunjuk pandang ke depan bagi risiko mungkir kredit korporat (Rajah 1.23). Pergerakan dan taburan skor z pada suku keempat menunjukkan peningkatan sederhana yang serupa dalam peningkatan purata aras risiko kredit korporat pada masa hadapan (Rajah 1.24). Penjelasan yang lebih terperinci tentang jarak sebelum mungkir yang diubah suai dan skor z terkandung dalam rencana kotak ``Pengukuran Kekukuhan Akan Datang Sektor Korporat´´.


Peratusan syarikat yang dikategorikan sebagai kukuh oleh model skor z jatuh dengan sederhana daripada 72% pada akhir bulan September kepada 69% pada akhir tahun 2008, dengan

Rajah 1.23
Purata Wajaran bagi Jarak Sebelum Mungkir yang Diubah Suai untuk Syarikat Terpilih




Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

Rajah 1.24
Skor Z untuk Syarikat Terpilih



Rajah 1.25
Pengagihan Skor Z untuk Syarikat Terpilih Mengikut Kategori



[1] Merujuk kepada peratusan syarikat-syarikat yang termasuk dalam lingkungan yang model skor z tidak dapat mengelaskan sesebuah syarikat dalam kategori kukuh atau lemah dengan kepastian yang tinggi

Pengukuran Kekukuhan Akan Datang Sektor Korporat

Bank terus memberikan penekanan terhadap usaha meningkatkan keupayaan pandang ke depan rangka kerja pengawasannya. Ini termasuk mempunyai penilaian risiko yang lebih teguh dalam sektor korporat yang dapat memberi impak kepada kestabilan keseluruhan sistem kewangan. Model-model pandang ke depan seperti skor z dan jarak sebelum mungkir diubah suai (modified distance to default) memberikan gambaran penting tentang tekanan dan risiko yang sedang muncul, lantas memberikan masa yang mencukupi bagi Bank untuk merumuskan langkah-langkah dasar awalan yang sesuai bagi menghindarkan, mengurangkan atau menguruskan ancaman sedemikian. Pengiraan dan pengukuran risiko membolehkan ujian tekanan yang lebih mantap dijalankan bagi menilai kesan tindak balas langsung dan yang mungkin wujud akibat kejutan terhadap sistem. Kuasa ramalan model skor z dan model jarak sebelum mungkir diubah suai dalam menilai tahap risiko kredit akan datang telah terbukti dalam banyak kajian dan kepustakaan akademik.

Skor Z untuk Pasaran Sedang Pesat Membangun

Skor z mengukur tahap kelemahan sesuatu perniagaan atau segmen industri dengan mengkategorikan firma kepada dua kelompok berbeza, iaitu firma yang kukuh dan yang lemah berdasarkan pengalaman mungkir yang lalu. Pembentukan skor z yang digunakan oleh Bank merujuk kepada model yang dicipta oleh Altman untuk pasaran sedang pesat membangun[1] dan menggunakan analisis pembeza layan berbilang (multiple discriminant) sebagai alat statistik dasar untuk menghasilkan gabungan linear nisbah kewangan yang membezakan kedua-dua kategori ini secara terbaik. Analisis pembeza layan berbilang ini memperbaik pendekatan tradisional analisis individu atau analisis berurutan bagi nisbah kewangan dengan mengurangkan kebergantungan pada peraturan mengikut kebiasaan dan pertimbangan subjektif dalam menentukan tahap ambang dan kepentingan nisbah secara relatif. Nisbah-nisbah kewangan utama terpilih kemudiannya digabungkan menjadi skor komposit untuk memberikan gambaran kedudukan kewangan firma. Fungsi pembeza layan untuk skor z bagi pasaran sedang pesat membangun berasaskan kajian yang dijalankan oleh Altman dipaparkan dalam persamaan berikut:

$$3.25 + 6.56\left(\frac{\textit{Modal Kerja}}{\textit{Jumlah Aset}}\right) + 3.26\left(\frac{\textit{Keuntungan Tertahan}}{\textit{Jumlah Aset}}\right) + 6.72\left(\frac{\textit{Pendapatan Kendalian}}{\textit{Jumlah Aset}}\right) + 1.05\left(\frac{\textit{Ekuiti}}{\textit{Jumlah Aset}}\right)$$

Dengan menggunakan skor z, firma yang kukuh dan yang lemah boleh dikenal pasti. Ringkasnya, skor z yang lebih tinggi menunjukkan bahawa kemungkinan bagi firma untuk menghadapi kesukaran kewangan adalah rendah.

Jarak Sebelum Mungkir Diubah Suai

Jarak sebelum mungkir, berdasarkan metodologi yang dihasilkan oleh Merton[2], mengukur potensi mungkir sesebuah firma terhadap obligasi hutangnya dengan menggunakan model penentuan harga pilihan. Nilai ekuiti sesebuah firma diandaikan menyamai nilai opsyen beli Eropah bagi aset firma itu, dengan nilai hutangnya sebagai harga laksana. Kejadian mungkir dikatakan berlaku apabila nilai hutang firma melebihi nilai pasaran asetnya. Jarak sebelum mungkir menunjukkan setakat mana nilai pasaran aset firma melebihi hutangnya, yang diukur dalam bentuk sisihan piawaian nilai aset tersebut. Gambaran grafik konsep ini terkandung dalam Rajah 1.

---

[1] Altman, Hartzell dan Peck (1995) ``Emerging Markets Corporate Bonds: A Scoring System''
[2] Merton (1974) ``The Pricing of Corporate Debt: The Risk Structure of Interest Rates''

Dengan menggunakan metodologi Black-Scholes-Merton dan mengaplikasikan andaian pemudah seperti dicadangkan Byström[3], jarak sebelum mungkir diubah suai dihitung berdasarkan persamaan berikut:

$$DD_{Diubah\ suai} = \frac{\ln(L)}{(L-1)}\frac{1}{\sigma_E}$$

dengan ***L*** sebagai nisbah hutang (nilai buku hutang yang ditunjukkan sebagai peratusan pemodalan pasaran dan nilai buku hutang) dan σ_E sebagai turun naik pulangan ekuiti 90 hari yang ditukarkan ke dalam bentuk tahunan. Firma dengan jarak sebelum mungkir yang lebih pendek ditaksirkan sebagai firma yang dikaitkan dengan risiko kredit yang lebih tinggi dan dengan itu mempunyai kebarangkalian mungkir yang lebih besar.

Rajah 1
Jarak Sebelum Mungkir Merton



Pemerhatian terhadap Kekukuhan Sektor Korporat

Pergerakan dalam median skor z dan purata wajaran jarak sebelum mungkir diubah suai direkodkan untuk mengesan perubahan arah dan tahap purata risiko kredit pada peringkat makro dan juga pada peringkat khusus industri dan syarikat. Selain itu, skor z Altman pada persentil ke-75 dan ke-25 juga digunakan untuk memantau perubahan tahap risiko kredit bagi firma dengan kualiti kredit yang lebih tinggi dan juga yang lebih rendah, lantas membolehkan taksiran yang lebih lengkap bagi kualiti kredit yang berbeza-beza.


Siri langkah pembaharuan struktur, operasi dan kewangan yang dirumuskan ekoran krisis kewangan Asia tahun 1997 banyak menyumbang kepada pengukuhan prestasi dan kedudukan kewangan syarikat Malaysia. Pada tempoh tahun 1997 hingga 2008, skor z dan jarak sebelum mungkir yang diubah suai yang dihitung untuk lebih 230 buah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia (merangkumi lebih 80% daripada pemodalan pasaran) telah bertambah baik (Rajah 2 dan Rajah 3). Pembaikan tahap risiko kredit juga dicerminkan melalui kualiti kredit portfolio pinjaman perniagaan bank yang bertambah baik pada tempoh tersebut. Tahap pinjaman perniagaan tak berbayar telah menurun pada kadar tahunan 7%. Pada akhir tahun 2008, nisbah pinjaman perniagaan tak berbayar kasar menurun kepada 6% daripada kadar tertinggi 15.3% pada tahun 1998.

Penambahbaikan terhadap Model Skor Z dan Model Jarak Sebelum Mungkir Diubah Suai


Walaupun terdapat maklumat berguna yang boleh diperoleh daripada penggunaan model-model tersebut semasa menjalankan pengawasan dan penilaian risiko, model tersebut terutamanya menjadi pelengkap kepada usaha-usaha utama dalam analisis fundamental faktor kuantitatif dan kualitatif. Pengalaman semasa kegawatan kewangan global ini menekankan betapa perlunya model kewangan dan risiko yang terus kukuh dan dinamik untuk bertahan dalam keadaan pasaran ekstrem yang cenderung untuk menyebabkan spesifikasi dan andaian melencong daripada normanya.

[3] Byström (2006) ``Merton Unravelled: A Flexible Way of Modelling for Default Risk´´

Rajah 2
Nisbah Pinjaman Tak Berbayar Kasar Sektor Perniagaan dan Skor Z



Rajah 3
Purata Wajaran Jarak Sebelum Mungkir yang Diubah Suai



Memandangkan fungsi pembeza layan skor z Altman bagi pasaran sedang pesat membangun dibentuk dengan menggunakan data yang diambil daripada pelbagai pasaran sedang pesat membangun, bidang tumpuan sekarang ialah pembentukan suatu model yang boleh menggambarkan dengan lebih tepat keadaan khusus, ciri-ciri risiko dan fasa pembangunan perniagaan Malaysia. Memandangkan ciri-ciri perniagaan adalah berbeza-beza bagi industri yang berlainan, Bank juga akan membangunkan skor z yang khusus buat industri berdasarkan penyata kewangan dan pengalaman mungkir perniagaan di Malaysia.

Menyedari bahawa model jarak sebelum mungkir diubah suai bergantung pada harga ekuiti yang tidak semestinya merangkumi kesemua maklumat yang berkaitan dengan prestasi masa depan firma tetapi mengambil kira faktor lain seperti kecairan pasaran dan sentimen pelabur, Bank akan membuat penambahbaikan terhadap model tersebut. Bank akan memulakan usaha untuk memadankan model jarak sebelum mungkir diubah suai dengan kejadian lalu mungkir bon dan pinjaman oleh perusahaan perniagaan Malaysia. Langkah ini membolehkan anggaran kebarangkalian dan kekerapan mungkir yang lebih menggambarkan tahap pinjaman tak berbayar akan datang dalam sektor syarikat.

Usaha-usaha untuk meningkatkan ketepatan dan kuasa ramalan model-model tersebut akan menyumbang kepada penggunaan alat pengawasan dan penilaian risiko Bank yang berkesan dalam pemantauan berterusannya terhadap kestabilan sistem kewangan.

peningkatan yang sepadan dalam peratusan syarikat yang dikategorikan sebagai lemah kepada 11% (Rajah 1.25). Pergerakan ini adalah sejajar dengan prestasi sektor korporat yang lebih lemah pada suku terakhir tahun 2008 dan keadaan perniagaan yang dijangka lebih lemah pada masa hadapan.


Kedudukan kewangan yang kukuh dan keupayaan operasi dan kecekapan yang diperkukuh serta struktur yang fleksibel akan menyumbang ke arah daya tahan sektor perniagaan yang tinggi. Ini akan dirangsang selanjutnya oleh rangsangan fiskal sebanyak RM67 bilion yang diumumkan oleh Kerajaan pada bulan November 2008 dan Mac 2009 berserta dengan langkah-langkah yang dimulakan oleh Bank untuk mengurangkan kesan pertumbuhan ekonomi yang lebih sederhana terhadap perusahaan perniagaan Malaysia, terutamanya PKS, dengan menyediakan peluang perniagaan baharu melalui dasar makroekonomi yang bersifat mengembang, memperbaiki aliran tunai, mengurangkan kos menjalankan perniagaan serta memastikan akses yang berterusan kepada pembiayaan bagi perusahaan perniagaan yang berdaya maju.

Kedudukan kewangan isi rumah yang kukuh dengan tahap keberhutangan yang lebih rendah

Sama seperti sektor perniagaan, sektor isi rumah memasuki fasa ekonomi yang lebih mencabar dengan kedudukan kewangan yang lebih kukuh. Tahap keberhutangan isi rumah menjadi agak sederhana apabila isi rumah memulakan langkah-langkah mengukuhkan kedudukan dan obligasi kewangan mereka. Nisbah hutang isi rumah kepada keluaran dalam negeri kasar terus mantap sekitar 66%. Peningkatan aras harga secara umum dan kemudiannya kebimbangan tentang prospek pekerjaan telah menyebabkan sektor isi rumah menilai semula kemampuan kewangan mereka, khususnya untuk menghadapi keadaan ekonomi yang lebih sukar. Sikap berjaga-jaga ini mengakibatkan pertumbuhan yang lebih sederhana dalam permintaan untuk pembiayaan baharu sebanyak 18.8% pada tahun 2008 daripada kadar setinggi 39.4% pada tahun sebelumnya. Ini juga dipengaruhi oleh prestasi bearis dan suram pasaran ekuiti yang menyaksikan kemerosotan dalam permodalan pasaran KLCI kepada RM473.6 bilion pada akhir tahun 2008.


Pendapatan boleh guna berkembang dalam julat yang munasabah sepanjang tahun 2008, sebahagian besarnya disokong oleh harga komoditi yang tinggi dan keadaan ekonomi yang menggalakkan. Ini telah mengukuhkan keupayaan khidmat bayar balik hutang sektor isi rumah. Nisbah pembayaran balik pinjaman kepada pendapatan boleh cukai juga terus meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini (Rajah 1.26). Keupayaan pembayaran balik hutang yang mapan

Rajah 1.26
Keberhutangan Isi Rumah dan Nisbah Khidmat Bayar Balik Hutang




Sumber: Anggaran dalaman

Rajah 1.27
Nisbah Aset Kewangan Isi Rumah kepada Hutang Isi Rumah



Sumber: Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan anggaran dalaman


Rajah 1.28
Komposisi Aset Kewangan Isi Rumah



Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan anggaran dalaman

juga ditunjukkan dalam nisbah aset kewangan kepada hutang, yang terus kekal tinggi pada 2.4 kali pada akhir tahun 2008 (Rajah 1.27). Kedudukan awal yang kukuh ini dapat mengimbangi penurunan kecil sebanyak 4.1% dalam aset kewangan isi rumah sepanjang tahun ini kerana nilai pelaburannya dalam dana ekuiti dan unit amanah merosot.

Rajah 1.29
Komposisi Hutang Isi Rumah Mengikut Tujuan




Sumber: Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dan Bank Negara Malaysia

Sektor isi rumah menunjukkan keupayaan kewangan dan daya kebolehsuaian yang mapan untuk menghadapi tekanan pekerjaan yang lebih tinggi di bawah persekitaran ekonomi yang lebih mencabar, disokong oleh kedudukan kewangan yang kukuh serta tahap keberhutangan dan aras pendapatan yang stabil


Aset mudah tunai terus berada pada tahap yang mencukupi, iaitu 140% daripada hutang isi rumah dan 60% daripada aset kewangan keseluruhan isi rumah. Peningkatan dalam pendapatan boleh guna dalam tahun-tahun kebelakangan ini telah membolehkan isi rumah untuk menambah simpanan seperti yang ditunjukkan dalam kenaikan tahunan purata sebanyak 9% dalam bentuk deposit isi rumah di institusi-institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan selama

Rajah 1.30
Indeks Harga Pengguna



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.31
Bilangan Pemberhentian Pekerja




Nota: Tidak termasuk pemberhentian sebanyak 7,564 orang pekerja sebuah syarikat yang diambil alih pada separuh kedua tahun, dan kemudian diambil bekerja semula oleh pemilik baharu syarikat tersebut
Sumber: Kementerian Sumber Manusia

lima tahun yang lepas. Ini juga disokong oleh perlindungan jaminan menyeluruh yang sementara oleh Kerajaan terhadap deposit di bank, dan juga sedikit sebanyak imbangan semula portfolio memandangkan prestasi pelaburan ekuiti yang kurang baik. Sementara itu, sebahagian besar daripada keberhutangan isi rumah terus digunakan untuk pengumpulan aset, di mana pinjaman perumahan dan pembiayaan kenderaan bermotor membentuk lebih 75% pinjaman isi rumah pada akhir tahun 2008 (Rajah 1.28 & 1.29).


Pertumbuhan dalam pendapatan boleh guna pada tahun 2008 telah terjejas akibat kos sara hidup yang meningkat dengan ketara bermula pertengahan tahun ekoran semakan harga minyak dan tarif elektrik. Ini telah disusuli oleh kenaikan harga makanan dan barangan perlu yang menjadi bertambah teruk ekoran harga bahan mentah yang lebih tinggi (Rajah 1.30). Walaupun tekanan inflasi reda pada suku terakhir 2008 ekoran penyederhanaan pertumbuhan ekonomi dunia yang mendadak, prospek ekonomi dan perniagaan yang lemah akan terus memberi risiko terhadap sektor isi rumah dari segi kemerosotan pasaran pekerja dan prospek pekerjaan (Rajah 1.31). Permintaan terhadap kredit dijangka terus menyederhana pada tahun 2009.

Rajah 1.32
Sektor Perbankan: Nisbah Pinjaman Tak Berbayar (NPL) Sektor Isi Rumah



Aras NPL isi rumah dan pinjaman tertunggak meneruskan trend menurun sehingga bulan September 2008, tetapi mula meningkat semula pada suku tahun keempat disebabkan kesan kos sara hidup yang meningkat dan kemudiannya pasaran pekerja yang merosot (Rajah 1.32). Pada akhir tahun 2008, NPL isi rumah berjumlah RM16.2 bilion atau 4.2% daripada keseluruhan pinjaman isi rumah, sementara pinjaman tertunggak yang lebih daripada dua bulan hingga kurang daripada tiga bulan membentuk 5.2% daripada pinjaman isi rumah.

Rajah 1.33
Pinjaman Perumahan - Kadar Mungkir Mengikut Tahun Pinjaman



Sumber: Pengiraan dalaman berdasarkan kaji selidik terhadap institusi kewangan

Setelah mengalami pertumbuhan yang kukuh selama beberapa tahun dari segi pendapatan serta peningkatan yang mantap dari segi kekayaan isi rumah, sektor isi rumah berkeupayaan lebih tinggi untuk meminjam tetapi pada masa yang sama, lebih berwaspada untuk menanggung hutang yang lebih banyak. Sektor kewangan juga telah memperkukuh kemahiran dan infrastruktur pengurusan risiko kreditnya. Keadaan ini jelas ditunjukkan oleh pinjaman perumahan berkualiti lebih tinggi yang telah diberi pada tahun-tahun kebelakangan ini berbanding pinjaman yang diberikan pada tahun-tahun terdahulu (Rajah 1.33).

Keupayaan pembayaran balik hutang isi rumah pada masa hadapan akan terus ditampung oleh langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah dan melegakan tekanan aliran tunai yang ketat. Ini termasuk pengurangan tiga mata peratusan dalam caruman berkanun pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk tempoh selama dua tahun mulai bulan Januari 2009, program latihan meningkatkan kemahiran semula, penempatan semula pekerja yang terlibat dalam pengurangan tenaga kerja dan langkah penambahan semula peluang pekerjaan baharu dalam sektor swasta dan sektor awam. Pengurangan kadar pinjaman asas institusi perbankan ekoran pengurangan dalam OPR dan penyusunan semula hutang akan terus meringankan tekanan aliran tunai dan beban kewangan sektor isi rumah. Para peminjam yang menghadapi kesulitan kewangan boleh juga mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Sejak penubuhan AKPK, terdapat kesedaran yang semakin bertambah di kalangan masyarakat perbankan tentang kepentingan memelihara disiplin kewangan untuk mengelak keadaan terlalu banyak berhutang dan juga kesediaan pihak bank untuk menyusun semula pinjaman. Sepanjang tahun 2008, bilangan khidmat kaunseling kewangan dan program pengurusan hutang yang dikendalikan oleh AKPK masing-masing bertambah daripada 17,706 dan 7,614 kes pada tahun 2007, kepada masing-masing 29,489 dan 11,958 kes pada tahun 2008. Berdasarkan pengalaman dan hubungan yang dibina dengan institusi kewangan sejak penubuhannya, kedudukan AKPK adalah baik untuk mengendalikan permintaan yang meningkat terhadap khidmat kaunseling hutang dan penyusunan semula pinjaman sekiranya persekitaran ekonomi terus merosot.

PENILAIAN RISIKO SEKTOR KEWANGAN

Kestabilan sistem kewangan kekal terpelihara dalam persekitaran luaran dan dalam negeri yang semakin mencabar

Sektor kewangan Malaysia terus menunjukkan daya tahan dan kekukuhan yang amat tinggi dan kekal terpelihara untuk menghadapi kesan kejutan luaran yang semakin meningkat pada ekonomi domestik. Jumlah kes kegagalan membayar pinjaman terus bertambah baik ke aras terendah pernah dicatat dan institusi kewangan kekal menjana keuntungan. Kedudukan pemodalan dan kesolvenan kekal pada aras yang kukuh dengan penampan kewangan yang tinggi, struktur institusi dan infrastruktur sokongan yang lebih utuh, serta amalan tadbir urus dan pengurusan risiko yang lebih mantap. Kebimbangan tentang mudah tunai pembiayaan hampir tidak wujud berikutan mudah tunai dalam sistem yang lebih daripada mencukupi. Pasaran kewangan kekal teratur dan aktiviti pengantaraan sektor perbankan terus berjalan dengan lancar bagi memanfaatkan ekonomi.


Risiko utama terhadap kestabilan sistem kewangan domestik tercetus daripada tekanan inflasi yang semakin meningkat pada separuh pertama tahun 2008, yang seterusnya bertukar menjadi kebimbangan terhadap pertumbuhan yang jauh lebih rendah disebabkan kemerosotan pesat dalam keadaan ekonomi dan kewangan global menjelang separuh kedua tahun 2008. Institusi-institusi kewangan Malaysia menghadapi tekanan keuntungan kerana aktiviti pasaran modal kekal lembap dan permintaan terhadap pembiayaan dan produk serta perkhidmatan kewangan mulai berkurangan pada suku terakhir tahun 2008. Meskipun menghadapi keadaan yang mencabar ini, sektor kewangan Malaysia merekodkan prestasi baik dan menunjukkan keupayaan kukuh untuk berhadapan dengan risiko penurunan yang kian meningkat terhadap persekitaran operasi dan kestabilan kewangan.

Tahap pemodalan sistem perbankan kekal tinggi sementara kedudukan kesolvenan industri insurans dan takaful mapan sepanjang tahun. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras sistem perbankan masing-masing adalah pada 12.7% dan 10.6%. Kedudukan modal lebihan berada pada RM38.8 bilion. Ini berbanding dengan jumlah kerugian yang dicatatkan oleh

sistem perbankan sebanyak RM5.7 bilion pada tahun 1998 apabila keluaran dalam negeri kasar (KDNK) menguncup 7.4%. Pelaksanaan pendekatan *standardised* Basel II yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2008 mendatangkan impak yang terhad terhadap aras pemodalan sedia ada, disebabkan penjimatan modal daripada wajaran risiko lebih rendah ke atas portfolio pinjaman runcit telah diimbangi terutamanya oleh caj modal baharu yang diperlukan bagi risiko operasi. Pengembangan perniagaan, domestik dan serantau, berjalan dengan lancar pada tahun 2008. Menjelang akhir tahun 2008, semua kumpulan perbankan domestik telah menubuhkan subsidiari perbankan Islam dan bank pelaburan, manakala tiga bank perdagangan asing yang diperbadankan di Malaysia (locally incorporated foreign commercial bank, LIFB) juga melaksanakan operasi perbankan Islam yang berasingan. Peningkatan mendadak pelaburan dalam subsidiari sebanyak RM16.8 bilion (+182.6%) disokong oleh jumlah modal yang lebih tinggi yang meningkat sebanyak RM26.3 bilion (+22.9%). Penekanan terus diberikan kepada usaha mengekalkan modal berkualiti tinggi yang mantap untuk bertindak sebagai penampan yang padu dalam masa-masa yang sukar. Hampir 72% daripada jumlah modal adalah dalam bentuk modal Kumpulan-1 (2007: 70.8%), hanya kira-kira 6% daripadanya ialah instrumen Kumpulan-1 hibrid. Ini disokong oleh kedudukan leveraj yang terurus bagi sistem perbankan berada pada 11.8 kali, manakala bagi bank pelaburan, berada pada 6.9 kali secara agregat. Sementara itu, kedudukan kesolvenan seluruh sektor insurans mengukuh kepada RM16.6 bilion (2007: RM11.7 bilion) dan nisbah kecukupan modal pula meningkat dengan ketara pada 187.6% (2007: 158.4%), jauh lebih tinggi daripada keperluan minimum sebanyak 100%.

Sektor perbankan terus menyokong keperluan pembiayaan ekonomi dalam persekitaran mudah tunai yang mencukupi dan aras pemodalan yang kekal tinggi. Persaingan yang semakin sengit dalam pasaran kewangan juga telah mendorong institusi kewangan untuk terus melaksanakan inovasi yang lebih berhemat serta menggunakan pendekatan yang lebih tertumpu pengguna untuk memenuhi keperluan para peminjam. Ini dikukuhkan lagi oleh proses penilaian kredit dan standard pengurusan risiko yang dipertingkatkan, termasuk penggunaan analisis vintaj (vintage) pinjaman runcit, kadar aliran kegagalan

Rajah 1.34
Sistem Perbankan: Kadar Kelulusan Pinjaman



membayar hutang dan pensegmenan portfolio, di samping tadbir urus dan kawalan dalaman yang mantap. Walaupun begitu, ketidaktentuan yang bertambah dan prospek ekonomi yang kurang memberangsangkan telah menyebabkan peminjam dan juga pemberi pinjaman bersikap lebih berhati-hati. Pertumbuhan jumlah permohonan pembiayaan baharu menurun kepada 9.6% (2007: 45.4%), lantaran permohonan yang lebih rendah daripada perniagaan yang mungkin mengurangkan atau menangguhkan pelaburan berskala besar dan pelan pengembangan berikutan prospek yang lebih lemah. Oleh itu, jumlah kelulusan yang diluluskan bagi pembiayaan baharu menyederhana kepada RM291.8 bilion pada tahun 2008, meskipun pengeluaran pinjaman terus meningkat pada kadar 15.5% kepada RM639.9 bilion. Secara agregat, institusi perbankan kekal bersedia dan bertolak ansur dengan para peminjam lantas kadar kelulusan pembiayaan terus stabil pada kira-kira 70% (Rajah 1.34). Sementara itu, pembiayaan yang sedia ada adalah mencukupi untuk digunapakai oleh peminjam bagi memenuhi keperluan mereka, memandangkan jumlah pinjaman yang tidak dikeluarkan bertambah 14% kepada RM265.6 bilion pada tahun 2008.


Pada akhir tahun 2008, pinjaman dan pembiayaan terkumpul berkembang 12.8% kepada RM726.5 bilion atau 98.1% daripada KDNK. Portfolio pembiayaan terus tertumpu pada sektor berasaskan runcit, dengan sektor isi rumah dan PKS berkembang masing-masing sebanyak

Jadual 1.2
Penunjuk Keteguhan Kewangan Utama


	Pada akhir				
	2004	2005	2006	2007	2008*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Modal Wajaran Risiko	14.4	13.7	13.5	13.2	12.7
Nisbah Modal Teras	11.4	10.7	10.7	10.2	10.6
Pulangan atas Aset	1.4	1.4	1.3	1.5	1.5
Pulangan atas Ekuiti	16.3	16.8	16.2	19.7	18.5
Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Jumlah Aset	8.2	8.0	8.0	9.4	10.2
Nisbah Aset Mudah Tunai kepada Tanggungan Jangka Pendek	10.6	10.2	10.3	11.9	12.9
Nisbah Pinjaman Tak Berbayar Bersih - 3 bulan	7.5	5.8	4.8	3.2	2.2
Kedudukan Bersih Wajaran Durasi kepada Modal Asas	5.0	8.3	7.5	4.4	4.4
Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih kepada Modal Asas	3.9	1.1	4.7	4.9	4.6
Kedudukan Ekuiti Terbuka Bersih kepada Modal Asas	2.3	2.1	2.6	2.5	0.9
Syarikat Insurans					
Kesolvenan Lebihan (RM juta)	7,358.3	7,957.1	9,087.4	11,722.9	16,566.7
Nisbah Margin Kesolvenan	235.6	235.4	250.1	279.0	296.2
Nisbah Kecukupan Modal	t.b.	t.b.	139.6	158.4	187.6
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM juta)	11,425.1	10,566.1	12,465.9	15,177.8	8,979.8
Premium / Caruman Baharu Perniagaan (RM juta)	7,264.9	7,426.9	8,428.3	9,075.6	9,214.9
Nisbah Margin Kesolvenan (konvensional sahaja)	263.8	260.6	282.8	319.9	307.0
Insurans dan Takaful Am					
Keuntungan Pengunderaitan (RM juta)	532.2	1,105.0	479.3	-78.3	153.9
Keuntungan Operasi (RM juta)	1,276.2	1,705.3	1,485.4	1,296.1	719.9
Premium / Caruman Langsung Kasar (RM juta)	9,186.2	10,085.0	10,505.0	11,009.9	11,421.6
Nisbah Tuntutan	61.1	54.9	60.8	66.3	64.9
Nisbah Margin Kesolvenan (konvensional sahaja)	193.7	195.3	198.6	205.7	268.2
Sektor Isi Rumah (IR)					
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Hutang IR	250.0	237.3	248.3	271.5	237.9
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	66.7	69.1	68.6	66.5	63.1
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai kepada Jumlah Hutang IR	152.4	142.8	152.2	173.4	140.0
Nisbah Khidmat Bayar Hutang	38.4	41.3	39.2	41.1	39.5
Nisbah NPL bagi Sektor IR	8.5	8.1	7.1	5.4	4.2
Sektor Korporat					
Pulangan atas Aset	5.5	5.3	5.6	6.5	5.6
Pulangan atas Ekuiti	9.6	8.7	10.1	12.3	9.6
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	35.6	43.0	40.8	40.0	39.7
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	6.8	6.6	5.7	6.6	7.2
Margin Operasi	13.8	10.9	11.1	12.1	10.7
Nisbah NPL bagi Sektor Perniagaan	13.8	11.2	10.2	8.0	6.0
Institusi Kewangan Pembangunan[1]					
Pinjaman kepada Sektor Terpilih (% pertumbuhan)	19.2	29.6	17.5	18.7	16.0
Deposit Dimobilisasi (% pertumbuhan)	22.4	12.4	11.1	12.4	18.5
Nisbah Pinjaman Tak Berbayar - 6 bulan	13.2	10.4	10.0	8.8	6.7
Pulangan atas Aset	1.3	3.0	1.5	1.9	3.2

[1] Merujuk kepada institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
a Awalan
t.b. Tidak berkenaan

Rajah 1.35
Sistem Perbankan: Sumber Pendanaan Utama



Rajah 1.36
Sistem Perbankan: Penampan Mudah Tunai



9.1% dan 9.4%, mencakupi 53.4% dan 17.2% daripada pembiayaan terkumpul. Pembiayaan kepada perniagaan besar mencakupi 23.5% (2007: 22.8%) daripada jumlah pembiayaan, sebahagiannya berpunca daripada keadaan pembiayaan yang kurang menggalakkan dalam pasaran modal hutang. Walaupun begitu, PDS kekal sebagai sumber utama pembiayaan bagi perniagaan besar, khususnya bagi pendanaan jangka panjang, mencakupi 57.8% daripada jumlah PDS terkumpul dan pembiayaan bank kepada korporat. Sementara itu, jumlah deposit yang digembleng oleh sektor perbankan meningkat dengan kukuh sebanyak 11.9% kepada RM973.4 bilion atau 131.4% daripada KDNK. Berikutan itu, nisbah pinjaman kepada deposit sistem perbankan masih pada kadar yang terurus iaitu 73.5% pada akhir tahun 2008.

Aliran keluar dana portfolio yang disebabkan oleh proses pembayaran balik hutang di peringkat global hanya mendatangkan impak terhad terhadap keadaan mudah tunai sistem kewangan

Mudah tunai ringgit dalam sistem kewangan Malaysia kekal mencukupi walaupun dana portfolio mengalir keluar disebabkan terutamanya oleh proses pembayaran balik hutang oleh institusi kewangan antarabangsa. Ini mencerminkan struktur pendanaan bank termasuk bank pelaburan yang sebahagian besarnya berasaskan deposit. Deposit membentuk kira-kira 70% daripada jumlah pendanaan (Rajah 1.35), sementara deposit bank pelaburan adalah kira-kira 60%. Bank pelaburan dibenarkan untuk menerima deposit minimum sebanyak RM500,000. Penampan mudah tunai keseluruhan sistem perbankan meningkat kepada 16.6% daripada jumlah deposit (Rajah 1.36), manakala lebihan yang

Jadual 1.3
Sistem Perbankan: Unjuran Mudah Tunai pada 31 Disember 2008

	Ketakpadanan kumulatif (RM bilion)		Penampan sebagai % daripada jumlah deposit	
	≤1 minggu[1]	≤1 bulan	≤1 minggu[1]	≤1 bulan
Bank perdagangan	90.9	111.2	13.3	16.3
Bank-bank Islam	15.4	17.3	12.5	14.0
Bank pelaburan	10.6	10.0	38.4	36.4
Sistem perbankan	116.8	138.5	14.0	16.6

[1] Tempoh ≤3 hari bagi bank pelaburan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Pengawalseliaan Risiko Mudah Tunai dan Cabaran Pengurusannya

Pengalaman bank-bank di beberapa buah ekonomi maju ketika menghadapi tekanan mudah tunai akibat kegawatan pasaran kewangan semasa telah mendedahkan betapa semakin kompleksnya risiko mudah tunai selain menekankan betapa pentingnya risiko mudah tunai diurus dengan berkesan. Risiko mudah tunai yang ditakrifkan sebagai kegagalan sesebuah institusi kewangan untuk memenuhi keperluan aliran tunai yang dijangka dan tidak dijangka, memang sedia ada dalam fungsi pengantaraan kewangan institusi perbankan dan merupakan komponen penting dalam rangka kerja pengawalseliaan berhemat. Pengurusan risiko mudah tunai yang mantap adalah penting bagi mengelakkan ancaman kepada kesolvenan sesebuah institusi perbankan dan menghindar kehilangan keyakinan terhadap seluruh sistem kewangan yang akan memburukkan lagi kesan sistemik risiko mudah tunai.

Pelaksanaan Rangka Kerja Mudah Tunai dan penilaian penyeliaan risiko mudah tunai
Institusi perbankan di Malaysia dikehendaki mematuhi Rangka Kerja Mudah Tunai yang diperkenalkan oleh Bank pada tahun 1998 bagi menilai kedudukan mudah tunai masing-masing. Rangka Kerja ini menggariskan pendekatan penilaian standard yang menekankan keupayaan institusi perbankan untuk menguruskan ketakpadanan mudah tunai melalui unjuran profil kematangan aset, liabiliti dan komitmen luar kunci kira-kira (off-balance sheet commitments) untuk tempoh setahun. Profil kematangan ini mencerminkan ciri-ciri kelakuan aliran tunai dan tidak semestinya menggambarkan kematangan berdasarkan kontrak. Berdasarkan unjuran ini, institusi perbankan dikehendaki mengekalkan penampan mudah tunai yang mencukupi, yang sebahagian besarnya adalah dalam bentuk sekuriti boleh dipasarkan yang berkualiti tinggi. Langkah ini bertujuan mengurangkan kesan kejutan mudah tunai yang berbangkit, sama ada ekoran peristiwa yang khusus bagi institusi tertentu (misalnya "krisis nama") atau senario tekanan seluruh pasaran (misalnya penutupan sesebuah pasaran pendanaan utama). Rangka kerja ini juga menghendaki institusi perbankan untuk mengenal pasti dan memantau tumpuan sumber pendanaan daripada deposit besar dan pasaran pendanaan borong atau luar pesisir dengan menggunakan nisbah yang ditetapkan.

Pematuhan kepada Rangka Kerja Mudah Tunai telah menyumbang ke arah memastikan penampan mudah tunai pada peringkat institusi mencukupi dan sejajar dengan sifat dan kompleksiti aktiviti sesebuah institusi perbankan. Di samping itu, pematuhan ini turut merangsang pembaikan amalan pengurusan risiko mudah tunai harian institusi perbankan. Paling ketara, keperluan agar institusi perbankan memegang aset mudah tunai dalam jumlah tertentu daripada liabiliti, di samping mengambil kira profil pendanaan sebenar, telah menghasilkan pengukuhan terhadap infrastruktur dan sistem institusi perbankan bagi menyokong unjuran hadapan aliran tunai. Sehubungan dengan itu, institusi perbankan telah mengambil pendekatan yang lebih terperinci dan berstruktur bagi memantau risiko mudah tunai. Ini termasuk penambahbaikan pelaporan risiko dalaman supaya merangkumi maklumat lebih terperinci mengenai aliran tunai hasil daripada aktiviti perbendaharaan dan operasi luar negara, seterusnya menyokong penilaian lebih mantap terhadap sumber dan penyebab risiko mudah tunai pendanaan. Rangka Kerja ini turut menggalakkan penginstitusian struktur tadbir urus risiko mudah tunai dengan tanggungjawab memantau kedudukan mudah tunai terletak secara rasmi di bawah jawatankuasa pengurusan aset-liabiliti (asset-liability management committee, ALCO). Keahlian ALCO yang terdiri daripada unit komersial dan fungsi kawalan juga telah mengukuhkan integrasi antara proses pengurusan risiko mudah tunai dengan aktiviti komersial institusi perbankan, lantas menggalakkan pendekatan yang lebih berkesan dalam pengurusan risiko institusi keseluruhannya.

Rangka Kerja Mudah Tunai diperkukuh lagi melalui penilaian penyeliaan berterusan terhadap kedudukan dan amalan pengurusan risiko mudah tunai setiap institusi. Baru-baru ini, perhatian penyeliaan yang lebih telah ditumpukan pada ujian tekanan mudah tunai untuk mengkaji

bagaimana keperluan pendanaan mungkin berubah-ubah dalam keadaan sukar yang biasa dan yang luar biasa. Tinjauan oleh Bank Negara Malaysia pada awal tahun 2009 tentang amalan ujian tekanan di beberapa institusi perbankan menunjukkan bahawa tahap kecanggihan ujian tekanan mudah tunai yang dilaksanakan oleh institusi perbankan berbeza-beza. Metodologi ujian tekanan bagi risiko mudah tunai pada amnya didapati masih pada tahap yang belum begitu maju berbanding dengan metodologi bagi risiko kredit dan risiko pasaran. Cabaran utama ialah kesukaran institusi perbankan untuk menilai kesan tindakan peserta pasaran secara serentak terhadap kedudukan mudah tunai masing-masing. Berikutan itu, institusi perbankan telah menggunakan pendekatan lebih menyeluruh dalam menghasilkan senario-senario tekanan dengan penglibatan dan interaksi lebih meluas antara kakitangan daripada unit-unit komersial, pengurusan risiko dan pengurusan atasan bagi memberikan penilaian pakar yang mantap dalam pelaksanaan ujian tekanan apabila masalah kekurangan data didapati menghalang pembentukan model untuk menentukur peristiwa kecairan ekstrem.

Tinjauan penyeliaan turut dijalankan untuk menilai kekuatan pelan pendanaan kontingensi institusi perbankan. Ini termasuk langkah-langkah bagi memastikan pelaksanaannya berkesan untuk menangani senario tekanan mudah tunai. Lebih perhatian juga ditumpukan pada kesan peringkat kedua (second round effects) dan kesan reputasi yang berkaitan dengan pelaksanaan langkah-langkah pendanaan kontingensi. Penilaian ini merupakan tambahan kepada interaksi berterusan antara pihak Bank dengan institusi perbankan bagi menghasilkan pelan pendanaan kontingensi yang lebih mencerminkan bentuk aliran pendanaan yang mungkin wujud di bawah pelbagai senario tekanan, termasuk yang berkaitan dengan keadaan luar biasa.

Trend dan cabaran berterusan dalam pengurusan risiko mudah tunai
Tekanan mudah tunai ekstrem yang dialami semasa kegawatan pasaran kewangan global telah mewujudkan cabaran baharu buat institusi perbankan. Beberapa cabaran khusus yang sedang ditangani termasuk:

Pemusatan pengurusan pendanaan dan pengurusan risiko mudah tunai
Fungsi perbendaharaan semakin banyak dilaksanakan secara terpusat bagi institusi perbankan yang beroperasi dalam kumpulan kewangan. Ini untuk memudahkan pengurusan sumber pendanaan kumpulan dan hubungan pendanaan luaran yang lebih cekap. Namun, pengaturan sedemikian menambah kemungkinan timbulnya masalah mudah tunai menular ke seluruh kumpulan apabila salah satu atau beberapa institusi perbankan dalam kumpulan kewangan tersebut yang memainkan peranan sebagai pembekal utama pendanaan bagi kumpulan secara keseluruhan, terjejas oleh tekanan mudah tunai. Masalah ini berkemungkinan menjadi lebih besar akibat kesan penularan reputasi (reputational contagion) yang menyekat sokongan pendanaan dari luar. Oleh itu, Bank Negara Malaysia kini memberi penekanan yang lebih terhadap pemantauan risiko mudah tunai merentas kumpulan yang berkesan dan menghendaki institusi perbankan mengekalkan pemantauan kedudukan risiko secara terperinci pada tahap entiti di samping memantau kedudukan risiko mudah tunai di peringkat kumpulan. Kekangan kendalian, pengawalseliaan, undang-undang dan Syariah yang mungkin menyekat kemudahan bantuan mudah tunai antara entiti dalam kumpulan, terutamanya dalam keadaan tertekan, turut dirangkumi dalam penilaian penyeliaan Bank terhadap keberkesanan fungsi pendanaan terpusat.

Risiko mudah tunai mata wang asing
Urus niaga oleh institusi perbankan Malaysia dalam pelbagai mata wang juga merumitkan lagi pengurusan risiko mudah tunai. Meskipun urus niaga ini masih pada tahap sederhana, namun ia dijangka meningkat sejajar dengan pertambahan permintaan terhadap pembiayaan mata wang asing untuk menyokong pertumbuhan pelaburan dan perdagangan dalam barangan dan perkhidmatan antarabangsa, serta penyertaan lebih giat institusi perbankan dalam pasaran kewangan global.

Sebilangan besar institusi perbankan Malaysia pada masa ini membuat andaian terdapat kebolehtukaran penuh antara mata wang, khususnya berhubung dengan ketersediaan lebihan mudah tunai ringgit untuk menampung kekurangan mudah tunai mata wang asing. Hal ini tidak menimbulkan kebimbangan yang besar buat institusi perbankan di Malaysia setakat ini memandangkan aset yang didenominasikan dalam mata wang asing hanya merupakan 6.6% daripada jumlah aset yang dipegang dalam negeri dan kira-kira 75.5% daripadanya dalam dolar AS. Namun, pengembangan aktiviti mata wang asing oleh institusi perbankan mungkin menambah pendedahan mereka kepada ketakpadanan mudah tunai sekiranya berlaku perubahan mendadak dalam mudah tunai pasaran pertukaran asing. Perkara ini penting khususnya bagi Malaysia kerana sementara menunggu pendalaman pasaran pertukaran asing yang lebih pesat dan pasaran swap ringgit yang cukup cair, lebihan mudah tunai ringgit mungkin tidak mencukupi untuk menampung defisit mudah tunai mata wang asing, terutamanya dalam keadaan persekitaran yang tertekan. Oleh itu, Rangka Kerja Mudah Tunai untuk institusi-institusi perbankan akan diselaraskan untuk menjangka dengan lebih baik dan mengurangkan risiko terlebih anggaran penampan mudah tunai apabila akses kepada pasaran pertukaran asing terjejas secara sementara akibat keadaan pasaran yang buruk.

Kewangan Islam

Kekurangan bukti empirik untuk menyokong andaian kelakuan (behavioural assumptions) merupakan cabaran kepada bank-bank Islam untuk menganggarkan dengan tepat sejauh mana ciri-ciri unik kontrak dalam transaksi kewangan Islam berkemungkinan mempengaruhi profil risiko mudah tunai masing-masing. Misalnya, penggunaan kontrak mudharabah yang jumlah prinsipalnya tidak dijamin dan pulangannya pula bergantung pada prestasi aset sandaran, harus pada prinsipnya, mengurangkan risiko mudah tunai pendanaan yang dihadapi oleh bank-bank Islam. Namun, hakikatnya, bank-bank Islam mengalami tekanan persaingan yang besar dari sudut kadar keuntungan akaun mudharabah yang ditawarkan. Penggunaan meluas kontrak pembiayaan berasaskan perdagangan yang melibatkan aset yang dipegang dalam bentuk aset atau inventori tetap dan tidak cair, seperti melalui kontrak murabahah, ijarah, atau istisna, juga mungkin mengurangkan mudah tunai kedudukan kewangan.

Cabaran ini ditangani melalui inisiatif yang sedang diambil untuk memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang ciri-ciri kelakuan aliran tunai kontrak Syariah yang berbeza-beza dan kesannya terhadap kedudukan mudah tunai. Langkah ini bagi membolehkan pengenalpastian, penilaian dan pengurusan risiko mudah tunai secara lebih berkesan. Pengenalan rangkaian pilihan pendanaan meluas dalam Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam Malaysia (Malaysian Islamic Interbank Money Market) turut memainkan peranan penting dalam menyokong keperluan mudah tunai institusi perbankan Islam. Ini termasuk simpanan antara bank yang berunsurkan kontrak jenis mudharabah, perjanjian beli-dan-jual-balik sebagai alternatif kepada perjanjian pembelian balik (repo), dan derivatif Islam seperti swap kadar Islam dan kontrak hadapan pertukaran asing Islam. Hasilnya, jumlah instrumen terkumpul meningkat daripada RM55.2 bilion pada tahun 2001 kepada RM211.0 bilion pada tahun 2008, manakala urus niaga sekuriti yang didagangkan di Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam bertambah daripada RM39.7 bilion pada tahun 2001 kepada RM185.2 bilion pada tahun 2008. Kewangan Islam yang semakin diterima ramai dan penyertaan lebih banyak pelabur institusi Islam seperti pengendali takaful dan pengurus dana Islam dalam tahun-tahun kebelakangan ini turut menambah sumber pendanaan Islam lantas memudahkan pempelbagaian strategi pendanaan bank-bank Islam.

Penambahbaikan akan datang

Penambahbaikan terhadap rangka kerja pengawalseliaan akan dilaksanakan untuk memperkukuh lagi amalan pengurusan risiko mudah tunai dalam institusi perbankan. Ini termasuk mengkaji semula Rangka Kerja Mudah Tunai bagi:

- menghendaki institusi perbankan dengan operasi pelbagai mata wang asing yang besar supaya menguruskan risiko mudah tunai mengikut mata wang;


- memperkenalkan piawaian kualitatif dan kuantitatif lebih terperinci yang perlu dipatuhi institusi perbankan bagi unjuran aliran mudah tunai mereka; dan
- membenarkan penggunaan pendekatan penilaian dalaman jika ia boleh ditunjukkan bahawa pendekatan ini menyediakan tahap daya tahan yang sama atau lebih kukuh berbanding dengan keperluan pengawalseliaan minimum.

Penambahbaikan Rangka Kerja Mudah Tunai akan diperlengkap oleh piawaian pengurusan risiko mudah tunai kualitatif yang akan dikeluarkan pada tahun 2009. Piawaian ini menggabungkan perkembangan dalam piawaian dan amalan pengurusan risiko mudah tunai antarabangsa serta pengalaman daripada kegawatan semasa yang sedang melanda.

diunjurkan pada akhir tahun 2008 kekal pada RM116.8 bilion bagi baki tempoh matang sehingga satu minggu dan RM138.5 bilion bagi baki tempoh matang sehingga satu bulan berikutan peningkatan penempatan deposit (Jadual 1.3). Perkembangan dan isu-isu berkaitan pengurusan risiko mudah tunai dibincangkan secara terperinci dalam rencana kotak ``Pengawalseliaan Risiko Mudah Tunai dan Cabaran Pengurusannya´´.

Kadar pasaran wang domestik semalaman dan seminggu kekal stabil antara 3.24% hingga 3.54% setahun, dan tiada institusi perbankan mengalami kesukaran dalam mendapatkan sumber dana. Malah semua institusi perbankan kekal sebagai pemberi pinjaman antara bank bersih kepada Bank Negara Malaysia untuk sebahagian besar tahun itu dengan jumlah pinjaman bersih sebanyak RM162.5 bilion pada akhir tahun 2008. Walaupun pasaran pensekuritian mula menjadi semakin penting sebagai saluran pembiayaan alternatif bagi institusi perbankan, persekitaran mudah tunai yang mencukupi dan berlanjutan telah mengakibatkan sebahagian besar aktiviti sedemikian menjadi aktiviti sampingan sahaja. Jumlah pinjaman sistem perbankan yang disekuritikan melalui Cagamas Berhad, pertubuhan syarikat gadai janji nasional, berjumlah RM12 bilion pada akhir tahun 2008. Sepanjang tahun ini, Bank Negara Malaysia juga mengambil tindakan lebih awal untuk memastikan bekalan mudah tunai yang mencukupi bagi seluruh sistem kewangan dengan memberikan akses kepada bantuan mudah tunai ringgit kepada semua syarikat insurans dan pengendali takaful.

Rajah 1.37
Sistem Perbankan: Ketakpadanan Mudah Tunai Dolar Amerika Syarikat



Meskipun mudah tunai ringgit tidak menjadi kebimbangan, sistem kewangan domestik tidak terlindung sepenuhnya daripada keadaan mudah tunai dolar AS yang semakin ketat di peringkat global. Ini mendorong institusi perbankan Malaysia untuk menguruskan secara aktif kedudukan kewangan dalam denominasi mata wang asing dan segera melaraskan dedahan dalam denominasi dolar AS untuk mengecilkan ketidakpadanan negatif mudah tunai dolar AS, merangkumi terutamanya pinjaman langsung dan swap mata wang asing. Ini menyebabkan pengecilan kedudukan pendek dolar AS sistem perbankan kepada aras yang terurus daripada aras tertingginya pada November 2008 (Rajah 1.37). Bank Negara Malaysia juga komited untuk menyediakan mudah tunai dolar AS yang mencukupi, khususnya untuk memudahkan urus niaga berkaitan perdagangan untuk menyokong sektor eksport dan import. Kewujudan swap mata wang dua hala dan pelbagai hala dengan negara-negara serantau, termasuk perjanjian swap mata wang dua hala yang dimeterai baru-baru ini dengan People's Bank of China dijangka menambah keyakinan terhadap adanya mudah tunai dolar AS dalam pasaran domestik, khususnya untuk perdagangan antarabangsa dan aktiviti pelaburan.

Keberuntungan di bawah keadaan mencabar yang lebih ketara


Sistem perbankan konvensional dan Islam mencatat pertumbuhan 8.3% dalam keuntungan sebelum cukai belum diaudit (PBT) tergabung kepada RM19.2 bilion pada tahun 2008, menghasilkan pulangan ekuiti purata sebanyak 18.5%. Prestasi ini menurun sedikit kerana turun naik dan ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran kewangan global dan domestik yang menyebabkan penurunan sebanyak 27.5% dalam perolehan daripada aktiviti berkaitan perbendaharaan dan pelaburan.

Keadaan perniagaan yang lebih lembap, pasaran pembiayaan yang sangat kompetitif dan persekitaran mudah tunai yang mencukupi telah memberikan tekanan yang agak besar kepada margin pembiayaan, dan juga pendapatan yang


berasaskan fi institusi perbankan. Pendapatan faedah bersih berkembang pada kadar lebih perlahan iaitu 8% (2007: 10.8%), disebabkan penurunan sedikit dalam jumlah pembiayaan dan perbelanjaan lebih tinggi yang dibayar pada asas deposit yang lebih besar. Impak penurunan OPR terhadap kadar faedah dan pendapatan pembiayaan diimbangi sebahagiannya oleh pengurangan kadar deposit minimum yang ditawarkan kepada penempatan deposit tetap runcit dan PKS dengan institusi perbankan (Rajah 1.38). Berserta persaingan yang lebih sengit dalam pasaran pembiayaan, terutamanya untuk menarik dan mengekalkan bilangan pelanggan yang mempunyai kedudukan kredit yang kukuh, margin faedah kasar mengecil sedikit kepada 2.64 mata peratusan (2007: 2.70 mata peratusan). Secara perbandingan, institusi perbankan yang mempunyai portfolio pembiayaan kadar tetap yang lebih besar kurang terjejas. Pembiayaan kadar tetap adalah antara 26.6% dan 77.5% daripada jumlah pembiayaan institusi perbankan. Walaupun aras risiko komersial tersesar bagi bank-bank Islam telah menurun dengan pulangan deposit diterima terlaras menurun dengan sewajarnya, aras rizab penyamaan untung (RPK) (profit equalisation reserves, PER) menurun seketika antara bulan Mei dan Julai (Rajah 1.39). Ini merupakan sebahagian daripada strategi bank-bank Islam untuk mengekalkan daya saing pulangan yang ditawarkan kepada para pendeposit, berikutan kerugian penilaian yang lebih ketara dicatat sepanjang tempoh yang sama dengan tahap turun naik pasaran kewangan yang meningkat di peringkat global dan domestik. Selepas itu, aras RPK bertambah baik apabila sistem perbankan Islam mencatat pertumbuhan berterusan dalam pendapatan pembiayaan berikutan keadaan portfolio yang terus berkembang.

Keadaan yang semakin buruk dalam pasaran kredit global dan prospek ekonomi yang semakin lembap masih belum menjejaskan kualiti agregat portfolio kewangan institusi perbankan. Ditambah pula dengan harga harta kediaman yang secara umumnya stabil dan berdaya tahan, dan penampan kewangan terkumpul sektor isi rumah dan perniagaan dalam tahun-tahun kebelakangan ini, institusi perbankan terus mendapat manfaat daripada peningkatan yang berterusan dalam infrastruktur pengurusan risiko kredit dan kegiatan pengunderaitan. Trend dalam aras NPL kekal menurun hampir sepanjang tahun, dengan nisbah NPL kasar bagi keseluruhan perniagaan, PKS dan isi rumah menurun masing-masing kepada 6% (RM17.7 bilion), 6.8% (RM8.5 bilion) dan 4.2% (RM16.2 bilion). Lantaran keupayaan kewangan yang kukuh, dan keuntungan berterusan, institusi perbankan terus aktif mengurus kedudukan kewangan dan kualiti aset melalui dasar peruntukan yang lebih ketat bagi pinjaman legasi, pelupusan NPL dan hapus kira berhemat bagi pinjaman yang terjejas pada tahun 2008. Nisbah perlindungan kerugian pembiayaan meningkat kepada 89.3% (2007: 77.3%), manakala hapus kira pinjaman kekal stabil sekitar RM9 bilion. Ini akan membantu memperbaiki keupayaan untuk menyerap kerugian akan datang dan mengurangkan impak prokitaran terhadap keuntungan masa hadapan. Langkah-langkah ini, secara kolektif, menghasilkan penurunan ketara sebanyak 21% dalam aras NPL bersih kepada RM15.8 bilion, atau 2.2% daripada jumlah pinjaman bersih pada akhir tahun 2008 (2007: 3.2%). Termasuk hapus kira sepanjang tahun, NPL kasar masih mencatat penurunan ketara sebanyak 14.3%. Ini menambah baik margin faedah bersih yang lebih tinggi kepada 0.47 mata peratusan yang melebihi purata tiga tahun lalu sebanyak kira-kira 0.4 mata peratusan (Rajah 1.40). Walau bagaimanapun, keadaan yang lebih mencabar pada suku terakhir tahun 2008 menyebabkan sedikit peningkatan dalam NPL isi rumah bagi pembelian harta kediaman dan kereta serta kad kredit, manakala nisbah NPL isi rumah keseluruhan meningkat sedikit sebanyak 0.1 mata peratusan kepada 4.2% (Rajah 1.41). Pinjaman

Rajah 1.38
Pergerakan Kadar Antara Bank, Kadar Pinjaman Purata dan Kos Dana Purata




Rajah 1.39
Sistem Perbankan: Pergerakan RPK dan Kadar Deposit Tetap (FD) Disebut Purata




tertunggak antara tempoh dua hingga tiga bulan meningkat sedikit sebanyak 2%, mencakupi 1.3% daripada jumlah pinjaman kasar (2007: 1.5%).

Perolehan daripada aktiviti berasaskan fi dan komisen meningkat sebanyak 7.1% kepada RM7.4 bilion (Rajah 1.42). Ini disebabkan terutamanya oleh perkhidmatan berkaitan pembiayaan, termasuk pemprosesan pembiayaan dan pengaturan, kemudahan komitmen dan jaminan, khidmat pengiriman wang dan aktiviti jualan silang. Walaupun

Rajah 1.40
Sistem Perbankan: Pergerakan Margin Faedah Kasar dan Bersih




Rajah 1.41
Sistem Perbankan: Paras dan Nisbah Pinjaman Tak Berbayar (NPL)



begitu, keadaan yang kurang menggalakkan dalam pasaran modal dan persekitaran perniagaan yang lebih sukar telah menjejaskan permintaan terhadap perkhidmatan kewangan yang berkaitan, seperti pensindiketan pembiayaan, pengunderaitan, khidmat nasihat korporat dan perkhidmatan pembrokeran, lantas memberikan tekanan yang lebih besar

Rajah 1.42
Sistem Perbankan: Komposisi Pendapatan




kepada asas perolehan bank pelaburan. Keadaan global dan serantau yang lebih mencabar juga memberikan cabaran yang lebih sengit terhadap keberuntungan pelaburan luar negara bagi institusi perbankan Malaysia. Meskipun ini hanya mencakupi sebahagian kecil operasi keseluruhan (kurang daripada 11% daripada jumlah PBT kumpulan), beberapa kumpulan perbankan domestik mempunyai operasi yang lebih besar dalam ekonomi serantau, antaranya di Singapura, Indonesia, Kemboja dan Hong Kong. Perbelanjaan overhed berkaitan operasi kewangan baharu meningkat sebanyak 7.6%, manakala perbelanjaan berkaitan kakitangan meningkat sebanyak 9.2% sepanjang tahun 2008. Ini menyumbang kepada nisbah jumlah kos kepada pendapatan yang lebih tinggi sebanyak 46.4% (2007: 43.9%) dan kos kakitangan bagi setiap pekerja sebanyak RM81,341 (2007: RM78,049). Namun begitu, aras produktiviti meningkat, seperti yang diukur oleh PBT yang dijana oleh setiap pekerja sebanyak RM170,779 (2007: RM168,545).

Sektor insurans dan takaful juga menghadapi cabaran untuk mengekalkan pertumbuhan premium dan caruman daripada perniagaan baharu dalam suasana persaingan industri yang sengit. Jumlah pendapatan premium bersih dan caruman bersih bertambah sebanyak 2.4%, berpunca terutamanya daripada pengembangan perniagaan takaful. Ketidaktentuan pasaran kewangan yang berterusan pada tahun 2008 dan kebimbangan terhadap keadaan ekonomi menjelang hujung tahun telah menyaksikan anjakan permintaan ke arah polisi perlindungan tradisional. Aktiviti perniagaan berkaitan pelaburan (investment-linked, IL) yang baharu bagi penanggung insurans hayat mengecil sebanyak 28.6%, manakala insurans hayat biasa dan produk takaful keluarga mencatat pertumbuhan sebanyak 22.4%. Seterusnya, jumlah premium baharu bagi segmen insurans hayat dan takaful keluarga meningkat sedikit sebanyak 1% kepada RM9.2 bilion sepanjang tahun 2008. Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan adalah lebih rendah pada jumlah RM9 bilion, disebabkan terutamanya oleh kerugian tidak direalisasi bersih dalam perniagaan IL dan manfaat polisi bersih yang lebih tinggi.

Permintaan terhadap insurans am dan perlindungan takaful bagi motor dan marin, penerbangan dan perniagaan berkaitan pengangkutan, menurun sedikit seiring dengan aktiviti perdagangan yang lebih perlahan dan prospek permintaan automotif yang agak lembap. Premium langsung kasar dan caruman bagi perniagaan insurans dan takaful am meningkat 5.5% kepada RM11.5 bilion, dijana terutamanya oleh pengembangan dalam segmen kebakaran. Namun jumlah keuntungan operasi menurun sebanyak 44.5% kepada RM0.7 bilion. Selain kerugian yang tidak direalisasi, prestasi keuntungan juga terjejas berikutan tuntutan bersih yang lebih tinggi. Ini berpunca terutamanya daripada tuntutan motor yang mencerminkan peningkatan kejadian kecurian motor, harga alat ganti yang lebih tinggi, dan ganti rugi mahkamah yang lebih tinggi lantas menyebabkan nisbah tuntutan yang lebih tinggi sebanyak 84.2% (2007: 79.6%) (Rajah 1.43).

Rajah 1.43
Perniagaan Insurans dan Takaful Am: Nisbah Tuntutan



Turun naik dan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan memberikan cabaran yang lebih sengit kepada pengurusan pendedahan risiko pasaran


Perolehan perdagangan dan pelaburan bersih sistem perbankan menguncup berikutan kerugian penilaian yang lebih tinggi dalam portfolio perdagangan dan juga kerugian pelaburan terutamanya pada suku ketiga tahun 2008. Ini diimbangi sebahagiannya oleh penggunaan aktif instrumen perlindungan nilai untuk mengurus pendedahan risiko pasaran keseluruhan dalam keadaan turun naik pulangan bon, harga ekuiti dan pergerakan kadar pertukaran asing yang lebih besar. Oleh itu, keuntungan pendapatan

Rajah 1.44
Spread antara Swap Kadar Faedah dan Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.45
Sistem Perbankan: Dedahan Risiko Pasaran




[1] Jumlah pelaburan dalam saham tersenarai

perdagangan dan pelaburan bersih terus dicatat walaupun lebih rendah, sebanyak RM4.2 bilion atau 9.6% daripada jumlah pendapatan (2007: 14%). Namun, bank pelaburan dan bank Islam yang lazimnya memegang sebahagian besar sekuriti dalam portfolio, mencatat kerugian perdagangan bersih yang lebih tinggi. Meskipun kesan keseluruhan terhadap bank Islam lebih banyak diimbangi oleh pertumbuhan yang berterusan dalam jumlah pembiayaan teras, kesan terhadap keuntungan bank pelaburan jauh lebih ketara menyebabkan PBT menurun sebanyak 66.7% pada tahun 2008. Beberapa bank pelaburan lebih kecil yang memberi tumpuan pada aktiviti broker saham mengalami kerugian semasa usaha untuk mempelbagaikan sumber pendapatan mereka terus dijalankan. Sebagai tindak balas kepada keadaan luar biasa pasaran kewangan global dan potensi kesukaran dalam penilaian aset, kefleksibelan telah diberikan kepada institusi perbankan untuk mengelaskan semula sekuriti bukan derivatif dikeluarkan daripada kategori dipegang untuk perdagangan, tertakluk kepada parameter dan syarat penzahiran yang ketat, selaras dengan perubahan yang dibuat dalam FRS 139.

Sepanjang tahun 2008, portfolio perdagangan bagi institusi perbankan juga beransur-ansur dikurangkan seiring dengan keadaan pasaran kewangan yang tidak menggalakkan. Sekuriti yang dipegang oleh sistem perbankan bagi tujuan perdagangan menurun sedikit sebanyak 2.8% dan mencakupi 3.9% daripada jumlah aset. Begitu juga, dedahan institusi perbankan kepada risiko ekuiti meningkat apabila pemegangan saham perdagangan keupayaan sendiri menurun sebanyak 68.7% pada tahun 2008. Ini menghasilkan caj modal yang lebih rendah bagi risiko ekuiti sebanyak 0.2% daripada modal asas (2007: 0.3%). Penghindaran risiko lebih tinggi juga ditunjukkan dalam komposisi sekuriti Kerajaan yang lebih tinggi dalam urus niaga portfolio yang berganda kepada 21.4% (2007: 10.8%). Peralihan serupa juga diperhatikan dalam strategi pelaburan jangka panjang apabila pemegangan keseluruhan MGS berkembang sebanyak RM29 bilion (+88.9%) yang mencakupi 4.6% daripada jumlah aset sistem perbankan. Meskipun turun naik yang lebih tinggi dalam pasaran bon domestik dan pemegangan sekuriti pendapatan tetap meningkat, dedahan risiko kadar faedah kekal stabil pada 4.4% daripada modal asas, berikutan penggunaan meluas derivatif untuk mengurus risiko kadar faedah. Jumlah nominal terkumpul kontrak-kontrak ini meningkat sebanyak 11.3% sepanjang tahun kepada RM764.5 bilion. Risiko asas yang berpunca daripada pergerakan dalam hasil dan mempengaruhi keberkesanan aktiviti melindung nilai, juga meningkat disebabkan taburan pergerakan hasil antara MGS dengan swap kadar faedah (Rajah 1.44).

Rajah 1.46
Komposisi Aset Industri Insurans dan Takaful



Pada tahun 2008, dedahan kepada risiko pertukaran asing menjadi sederhana apabila institusi perbankan melaras kepada pergerakan mata wang yang lebih mudah berubah, dengan kedudukan terbuka bersih mencakupi 4.6% daripada modal asas (2007: 4.9%) (Rajah 1.45). Dari segi caj modal, dedahan dalam denominasi mata wang asing mencakupi hanya 0.8% daripada modal asas (2007: 0.8%). Kedudukan terbuka institusi perbankan bagi denominasi mata wang bukan AS dan mata wang serantau agak kecil, manakala pengurusan aktif ekoran pengukuhan dolar AS dijalankan berikutan proses pembayaran balik hutang global yang berterusan.

Memandangkan pemegangan ekuiti dan bon yang besar oleh industri insurans dan takaful (Rajah 1.46), pengurusan risiko pasaran menjadi bertambah mencabar sepanjang tahun ini. Perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga mencatat jumlah kerugian tidak direalisasi sebanyak RM2.6 bilion, terutamanya bagi produk IL. Keadaan tidak memberangsangkan dalam pasaran ekuiti domestik menyaksikan pengurangan nilai pasaran bagi jumlah pemegangan ekuiti sebanyak 43.5% kepada RM13.8 bilion pada akhir tahun 2008. Ini juga dicerminkan dalam anjakan ke arah aset pelaburan yang lebih selamat dengan pemegangan bon MGS dan korporat meningkat masing-masing sebanyak 9.2% dan 6.7%. Sementara itu, pemegangan ekuiti dalam sektor kewangan dan perladangan menurun masing-masing sebanyak 91.6% dan 65.5%. Proses mengimbangi semula portfolio menyebabkan keseluruhan nisbah pasaran kepada nilai ditambah (accreted) untuk pemegangan bon meningkat kepada 75.7% (2007: 69.9%), lalu melegakan kedudukan ketakpadanan liabiliti.

Risiko rakan niaga terurus dalam ketidaktentuan yang berterusan dalam sistem kewangan global

Sektor kewangan Malaysia mempunyai dedahan langsung dan tidak langsung yang minimum kepada sekuriti dan entiti yang terjejas dengan pergolakan kewangan global. Tidak seperti dahulu apabila kebimbangan tentang risiko rakan niaga tertumpu pada bank domestik, risiko sedemikian tertumpu pada LIFB ekoran meningkatnya kebimbangan akan kesolvenan institusi kewangan antarabangsa yang terjejas akibat urus niaga intrakumpulan antara syarikat induk dengan subsidiari asing. Ini berlaku walaupun dedahan adalah minimum dan operasi dalam LIFB di Malaysia adalah berbentuk subsidiari. Bagaimanapun, kebimbangan sedemikian berlaku sementara sahaja tanpa menimbulkan kesan negatif terhadap kedudukan mudah tunai LIFB. Risiko terus dikurangkan oleh tindakan pantas bank-bank pusat utama dalam menyediakan jaminan bagi hutang institusi perbankan untuk mengurangkan kebimbangan tentang risiko rakan niaga yang dihadapi mereka. Secara keseluruhan, dedahan rakan niaga asing daripada jumlah kunci kira-kira dan jumlah notional di luar kunci kira-kira mencakupi kurang daripada 15% daripada jumlah aset sistem perbankan dan kurang daripada 2% daripada industri insurans dan takaful. Kebimbangan tentang risiko insurans semula rakan niaga global juga tinggi, terutamanya mengenai kemampuan penanggung insurans semula untuk memenuhi obligasi di tengah-tengah penurunan nilai yang ketara dalam pelaburan tak cair oleh institusi kewangan antarabangsa utama. Dalam konteks Malaysia, dedahan kepada risiko insurans semula sebagaimana yang dinilai daripada jumlah premium yang diinsurans semulakan mengembang sebanyak 4.2% kepada RM3.5 bilion. Ini mewakili 27.8% daripada jumlah premium kasar. Bagaimanapun, pemulihan insurans semula yang berisiko mungkir oleh penanggung insurans semula menurun sedikit untuk mencakupi 9.3% daripada ekuiti pemegang saham (2007: 9.9%). Di samping risiko bersih yang konsisten tinggi melebihi 80% dan dedahan terhad kepada penanggung insurans semula luar pesisir dan asing, faktor-faktor ini menyumbang

kepada aras yang terurus bagi keseluruhan risiko penanggung insurans semula rakan niaga dalam industri insurans dan takaful Malaysia.

Sistem kewangan Malaysia dijangka kekal utuh dalam senario operasi yang lebih mencabar

Siri-siri ujian berdasarkan senario terhadap risiko kredit, pasaran dan mudah tunai telah dijalankan di peringkat sistem dan institusi individu untuk memberikan penilaian masa hadapan terhadap keupayaan institusi kewangan untuk menghadapi kejutan kewangan makro yang mempunyai potensi kesan buruk dan ketara, serta implikasi seterusnya terhadap perolehan dan pemodalan. Faktor tekanan digunakan secara konsisten di semua institusi pada peringkat sistem untuk memudahkan penilaian kejutan sistemik. Selain itu, faktor tekanan juga ditentukur secara konsisten untuk mengenal pasti profil risiko khusus institusi berdasarkan penilaian penyeliaan maklumat kuantitatif dan kualitatif tambahan, seperti penjana risiko utama, strategi pertumbuhan perniagaan, sejarah kemungkiran dan kadar kerugian terperinci, kualiti aset dan modal, serta keutuhan standard pengurusan risiko dan tadbir urus. Huraian terperinci senario kewangan makro, andaian kejutan, metodologi dan keputusan ujian ketahanan dikemukakan kepada pihak pengurusan atasan dan pengurus risiko institusi perbankan untuk memudahkan perbincangan bermakna dalam mencari langkah mengimbangi risiko yang sewajarnya dan perumusan pelan perniagaan dan pengurusan modal.


Senario tekanan dibina berdasarkan potensi magnitud dan takat kesan limpahan keamatan tekanan pasaran kewangan antarabangsa, pertumbuhan global dan serantau yang terus perlahan, turun naik berterusan dalam harga komoditi dan tenaga serta aras harga yang dijangka dalam ekonomi. Berbagai-bagai senario berdasarkan keadaan pertumbuhan domestik dan pasaran kewangan yang setara dengan aras terburuk dalam sejarah telah digunakan. Ini termasuk kemelesetan teruk semasa krisis kewangan Asia pada tahun 1997-1998, tempoh pertumbuhan mendatar yang timbul daripada peletusan gelembung *dot.com* dan inventori tidak terjual dalam industri separa konduktor pada tahun 2001 dan wabak SARS pada tahun 2003. Menggunakan batas senario selama setahun, magnitud kejutan terhadap: (i) kerugian risiko kredit berikutan NPL baharu, kemungkiran dan penurunan taraf sekuriti yang dipegang; dan (ii) kerugian risiko pasaran berpunca daripada harga ekuiti yang lebih rendah dan kerugian penilaian tambahan pada pegangan sekuriti diperoleh. Faktor tekanan risiko kredit mengambil kira hubungan antara pertumbuhan dalam KDNK dan NPL keseluruhan dan segmen pinjaman khusus yang berhubung rapat dengan keadaan ekonomi, serta sejarah mungkir dan perubahan penarafan bon korporat. [data diperoleh daripada

Jadual 1.4
Kedudukan Kewangan Sektor Kewangan Pra- dan Pasca Krisis

Sistem Perbankan	1996	1997-1998	2008*a*
Bilangan institusi	89	80-86	54
Jumlah aset purata setiap institusi	RM7.1 bil	RM9.6 bil	RM40.4 bil
Nisbah modal wajaran risiko	10.6%	10.5%	12.7%
Nisbah modal teras	9.0%	8.9%	10.6%
Pulangan atas aset	2.0%	-0.9%	1.5%
Pulangan atas ekuiti	27.5%	-12.3%	18.5%
Nisbah pinjaman tak berbayar bersih	3.0%	13.2%	2.2%
Nisbah pinjaman tak berbayar kasar	3.9%	18.7%	4.8%
Sektor Insurans	1996	1997	2008
Lebihan kesolvenan	t.b.	RM3.7 bil	RM16.6 bil
Jumlah keuntungan	RM4.7 bil	RM2.7 bil	RM9.7 bil

a Awalan
t.b. Tidak berkenaan

Rajah 1.47
Impak Potensi terhadap RWCR



``Korporat Malaysia – Prestasi Kemungkiran dan Penarafan (1992-2007)´´, Ogos 2008, RAM Ratings (Malaysia)]. Faktor tekanan risiko pasaran disimulasi menggunakan faktor turun naik dan pelarasan mendadak dalam harga aset dan pulangan bon berdasarkan pengalaman sejarah yang teruk dan potensi kejutan ekstrem.

Walaupun persekitaran lebih banyak mencabar akan menjejaskan prestasi hasil dan mengakibatkan delinkuensi yang lebih tinggi, sistem perbankan dijangka merekodkan RWCR melebihi syarat minimum 8%. Pada masa ini ia mempunyai lebihan modal melebihi RM30 bilion dan lebih banyak usaha mengumpulkan modal telah mula dijalankan. Sistem kewangan berkeupayaan untuk menyokong keperluan perbankan ekonomi, meskipun dalam senario penguncupan ekonomi yang lebih buruk

Sistem perbankan hari ini pada asasnya lebih kukuh berbanding tempoh sebelum krisis kewangan Asia lebih sedekad yang lalu (Jadual 1.4). Sistem perbankan dijangka terus utuh dengan RWCR kekal melebihi 8% walaupun selepas menyerap potensi kerugian yang mungkin timbul, termasuk dalam senario kemerosotan ekonomi yang lebih mendalam. Secara keseluruhan, potensi kerugian kumulatif daripada kejutan kredit lebih besar berbanding kerugian daripada kejutan risiko pasaran, dengan penurunan maksimum yang dijangka dalam sistem perbankan RWCR sebanyak 3 mata peratusan berasaskan kadar peruntukan kerugian pinjaman konservatif yang tidak mengambil kira nilai cagaran (Rajah 1.47). Potensi peningkatan aras NPL mengikut mata peratusan juga konsisten dengan anggaran dalaman lain berdasarkan kaedah regresi dan migrasi pinjaman tertunggak tanpa mengambil kira kesan positif langkah mengimbangi risiko yang dijalankan oleh institusi perbankan, termasuk penyusunan semula pinjaman. Peningkatan kegagalan membayar hutang dijangka terurus, disokong oleh tindakan proaktif institusi perbankan untuk melibatkan dan membantu peminjam yang menanggung beban kewangan melalui peruntukan kaunseling dan khidmat nasihat hutang serta penyusunan semula atau penjadualan semula pinjaman untuk meringankan masalah aliran tunai sementara.


Walaupun kesan kumulatif keberuntungan bermagnitud lebih tinggi, dengan sesetengah institusi mungkin mencatat kerugian dalam senario penguncupan ekonomi yang lebih mendalam, ketersediaan penampan modal yang kukuh membolehkan sistem perbankan menyerap apa-apa kemungkinan kerugian. RWCR sistem perbankan akan kekal melebihi 8% sementara nisbah modal teras melebihi 6%, sebelum menerima pakai beberapa program peningkatan modal yang

Jadual 1.5
Nisbah Kecukupan Modal pada akhir 2008

	Sistem perbankan	Bank perdagangan		Bank-bank Islam	Bank pelaburan
		Domestik	Asing		
	%				
Nisbah modal wajaran risiko	12.7	11.9	12.2	13.3	32.2
Nisbah modal teras	10.6	10.1	9.7	11.0	31.3
Ekuiti[1] kepada aset	6.8	6.7	6.1	6.5	12.6
Ekuiti[1] kepada aset berwajaran risiko	10.0	9.1	9.6	10.8	32.6

[1] Ekuiti terdiri daripada saham biasa, premium saham, tabung rizab berkanun, tabung rizab am dan perolehan tertahan (tolak kerugian belum diaudit) tolak *goodwill*

Rajah 1.48
Sistem Perbankan: Komposisi Modal



diambil atau dirancang oleh institusi perbankan. Walaupun aktiviti pengurusan modal lebih aktif telah dijalankan oleh institusi perbankan dalam tahun-tahun kebelakangan ini dan pengenalan instrumen modal Kumpulan-1 yang lebih inovatif, kira-kira 90% daripada modal Kumpulan-1 merangkumi saham biasa, premium saham, rizab berkanun, rizab am dan perolehan tertahan tolak *goodwill* (Rajah 1.48). Hasilnya, nisbah ekuiti kepada aset bagi sistem perbankan berada pada 10% daripada jumlah aset wajaran risiko atau 6.8% daripada jumlah aset (Jadual 1.5). Malah bagi bank pelaburan, nisbah ekuiti kepada aset masih terurus pada julat 6.9% hingga 47.7%. Perbandingan ini masih memberangsangkan dengan tanda aras yang digunakan oleh pengawal selia AS yang menganggap mana-mana nisbah modal Kumpulan-1 kepada jumlah aset yang lebih daripada 3% hingga 4% sebagai kukuh. Ekoran krisis semasa, wujud penekanan yang lebih besar terhadap modal tradisional (saham dan rizab biasa) untuk mengukur kekukuhan modal institusi perbankan. Bank Negara Malaysia akan memantau dengan teliti perkembangan antarabangsa dalam hal ini.

Selaras dengan amalan terbaik antarabangsa untuk memantapkan penilaian risiko mudah tunai, ujian berasaskan senario juga dijalankan untuk mengambil kira peristiwa seluruh pasaran dan yang khusus kepada sesebuah institusi. Peristiwa pertama yang disimulasi adalah daripada peningkatan penghindaran risiko dan kebimbangan rakan niaga di kalangan peserta antara bank, sementara faktor yang kedua itu dianggap berpunca daripada hakisan modal yang cepat, penurunan penarafan kredit dan publisiti negatif atau keyakinan berkaitan dengan institusi tertentu. Impak yang lahir daripada peristiwa berlainan terhadap ketersediaan barisan kredit antara bank, realisasi barisan kredit luar jangka

Jadual 1.6
Kecukupan Rizab untuk Perniagaan Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

	2005	2006	2007	2008*a*
	RM juta			
Purata premium bersih 3 tahun	15,365.4	17,111.2	18,766.7	20,148.2
Rizab teknikal	74,672.8	85,436.5	98,833.7	106,128.4
Nisbah rizab teknikal / Purata premium bersih 3 tahun	4.9	5.0	5.3	5.3

a Awalan

yang diberikan, pengeluaran deposit runcit dan korporat dan potensi pengurangan yang lebih tinggi terhadap nilai yang direalisasi aset mudah tunai kemudiannya dikenakan terhadap aras penampan mudah tunai yang sedia ada. Keputusan keseluruhan menunjukkan bahawa institusi perbankan secara amnya mempunyai penampan yang mencukupi untuk menghadapi apa-apa pengurangan pemberian kredit antara bank berikutan pergantungan kecil pada pendanaan pasaran wang. Sebaliknya, peristiwa yang berkaitan penurunan penarafan kredit dan isu publisiti negatif dan keyakinan bagi institusi tertentu mungkin mempunyai implikasi lebih besar terhadap sesetengah asas deposit institusi perbankan, khususnya yang merangkumi deposit korporat. Walaupun begitu, risiko-risiko tersebut adalah rendah berikutan jaminan deposit menyeluruh oleh Kerajaan sehingga akhir tahun 2010.

Ujian ketahanan yang serupa juga dijalankan terhadap industri insurans dan takaful sepanjang tahun. Berikutan struktur pasaran yang lebih berpecah-pecah, sesetengah institusi khususnya dalam perniagaan am mungkin lebih teruk terjejas daripada segi keberuntungan dan pemodalan di bawah senario yang lebih buruk. Jumlah rizab kerugian sektor insurans dan takaful am meningkat dalam tahun-tahun kebelakangan ini dengan nisbah rizab kerugian kepada purata tuntutan pada 2.5 kali (2004: 1.9 kali). Peratusan jumlah rizab kerugian dalam perniagaan lebih panjang (iaitu perlindungan `Akta' motor, liabiliti, pampasan pekerja dan liabiliti majikan), yang kini pada 41.1%, dijangka meningkat seiring dengan pertumbuhan premium lebih panjang. Walaupun sifat pasaran domestik kurang terdedah kepada kerugian yang terlalu besar, aras pemodalan perniagaan am pada 1.2 kali jumlah rizab kerugian mungkin tidak mencukupi untuk menyerap sebarang turun naik yang besar dalam kekurangan rizab. Bagi perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga, aras rizab telah meningkat seiring dengan pertumbuhan premium. Pada akhir tahun 2008, aras rizab ialah 6.1 kali purata premium tiga tahun (Jadual 1.6).

PROSPEK BAGI KESTABILAN SISTEM KEWANGAN DAN FOKUS PEMANTAUAN PADA TAHUN 2009

Sektor kewangan domestik berhadapan cabaran lebih besar berikutan penyederhanaan dalam pertumbuhan ekonomi mulai berlaku dan turun naik dalam pasaran kewangan domestik berlanjutan memandangkan kaitannya yang kuat dengan pasaran global. Penghindaran risiko yang berterusan ini mungkin menghasilkan mudah tunai perdagangan yang rendah dalam kelas aset khusus, manakala spread kredit dalam pasaran bon korporat mungkin semakin luas, lantas mengakibatkan kos pendanaan yang lebih tinggi dalam pasaran modal. Selain itu, perolehan korporat yang telah mula menurun dan prospek pekerjaan yang lebih lemah mungkin berpotensi menghasilkan peningkatan dalam kejadian gagal membayar hutang dan kemungkiran secara meluas, dan mencetuskan kitaran kredit yang menurun. Walaupun penampan kewangan terkumpul sektor perniagaan dan isi rumah akan meringankan beban ke atas aliran pendapatan mereka dan keupayaan membayar hutang, sesetengah segmen tertentu dalam sektor ekonomi yang lebih terjejas dan mereka yang mempunyai keupayaan menyerap kejutan yang lebih rendah, telah menghadapi kesukaran kewangan tertentu. Institusi kewangan Malaysia akan menghadapi cabaran yang besar untuk mengekalkan asas perolehan yang mapan memandangkan prospek kredit dan permintaan terhadap pembiayaan, produk kewangan dan perlindungan insurans menjadi sederhana.

Penglibatan dan kerjasama yang lebih rapat antara Bank dan pengawal selia lain domestik dan serantau akan terus mengukuhkan kesediaan untuk mengurus persekitaran operasi yang lebih sukar ke arah memelihara kestabilan sistem kewangan

Institusi perbankan perlu mengimbangi dengan wajar keperluan untuk menjaga standard kehematan untuk meminimumkan kerugian akan datang akibat senario yang buruk selain perlu menyediakan sokongan berterusan kepada pelanggan mereka terutamanya dalam meringankan tekanan aliran tunai sementara. Langkah kitaran berbalas (counter-cyclical) hanya akan memburukkan lagi keadaan ekonomi yang akhirnya menjejaskan kedudukan kewangan bank. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, beberapa

kumpulan kewangan domestik telah berkembang di peringkat serantau dan menjalin kerjasama strategik dengan institusi asing. Di bawah persekitaran yang lebih mencabar di peringkat serantau, kumpulan kewangan domestik dengan operasi serantau yang besar (membentuk kurang daripada 18% jumlah PBT kumpulan), bukan hanya menghadapi sumbangan keuntungan yang lebih rendah daripada pelaburan luar negaranya, bahkan fenomena ini mungkin mengakibatkan saluran baharu dalam penyebaran risiko. Walaupun begitu, sumbangan perolehan daripada operasi seberang laut bagi keseluruhan sistem perbankan masih kekal kecil dan mencakupi kurang daripada 11% jumlah PBT kumpulan, sementara perkongsian dengan kumpulan kewangan asing telah menghasilkan peningkatan terutamanya dalam kecanggihan kemampuan dan teknologi pengurusan risiko.

Begitu juga dengan sektor insurans dan takaful Malaysia yang akan terjejas oleh kemungkinan permintaan perlindungan dan produk berkaitan yang lebih rendah dalam industri yang sangat kompetitif. Secara khusus, jangkaan penurunan dalam jualan kenderaan akan mempengaruhi secara negatif perniagaan insurans dan takaful motor yang membentuk 45% daripada premium insurans kasar pada tahun 2008. Premium juga mungkin terjejas oleh peningkatan kadar penyerahan dan penurunan jumlah yang diinsuranskan akibat langkah pemegang polisi mengurangkan kos insurans dalam tempoh yang gawat ini. Selain itu, tuntutan dijangka meningkat akibat kejadian kecurian dan penipuan yang lebih tinggi serta penyenggaraan yang kurang kerap.

Di pihak Bank Negara Malaysia, ia telah memantapkan keupayaan penyeliaan dan pengawasan secara menyeluruh selama beberapa tahun supaya mampu mengesan kemungkinan masalah pada peringkat awal bagi membolehkan tindakan awal diambil, termasuk preskripsi dasar yang sewajarnya untuk memantau kekukuhan sistem kewangan. Walaupun perubahan struktur dalam landskap kewangan global dan domestik yang berlangsung selama sedekad telah menambah kompleksiti dan hubung kait dalam sistem kewangan domestik, Bank Negara Malaysia terus berhubung rapat dengan bank-bank pusat lain, pihak berkuasa kewangan dan agensi penyeliaan untuk memantau dan bertindak, jika perlu, dalam cara yang bersepadu untuk menguruskan cabaran semasa. Ini termasuklah kerjasama dalam bidang pengawasan kewangan yang sedang berjalan dan perkongsian maklumat, peruntukan bantuan mudah tunai dan pengurusan krisis, dan mekanisme penyelesaian di peringkat domestik, serantau dan antarabangsa.

Melangkah ke hadapan, pengawasan makroekonomi dan aktiviti penyeliaan akan terus menumpukan pada beberapa bahagian utama:

- Pengukuhan berterusan dalam kemantapan penilaian penyebaran risiko, dari segi saluran dan magnitud penyebaran daripada pembangunan luaran ke pasaran kewangan, perniagaan, isi rumah dan sektor kewangan Malaysia serta limpahan masalah daripada entiti dan pasaran yang tidak dikawal selia dalam sistem kewangan;
- Mengukuhkan analisis senario secara berterusan di peringkat sistem dan institusi dan mengambil kira dinamik faktor risiko dan hubungan erat antara institusi-institusi dengan sektor;
- Pengukuhan strategi penglibatan dan komunikasi dengan pihak berkepentingan luar, termasuk pengawal selia, persatuan perniagaan, PKS dan pihak berkuasa pengawalseliaan lain untuk membolehkan pengenalpastian awal tanda-tanda masalah dan risiko baharu kepada kestabilan sistem kewangan. Penglibatan ini juga bertujuan untuk memastikan akses yang berterusan kepada pembiayaan;
- Penglibatan yang berterusan dengan pengawal selia untuk memastikan pelan tindakan awal tersedia dan dilaksanakan dalam cara yang efektif dan tepat pada masanya untuk memastikan keupayaan menanggung risiko institusi kewangan dipelihara setiap masa; dan
- Meningkatkan kerjasama dan koordinasi serantau dan antarabangsa dalam aktiviti penyeliaan dan pengawalseliaan untuk memudahkan pengenalpastian awal penyebaran risiko dan gangguan merentas sempadan, di samping menghalang potensi arbitraj yang mungkin menggugat kestabilan.